

OMAR IBN 'ABDUL 'AZĪZ, KHALIFAH PEMERINTAHAN BANI UMAIYAH YANG BERTARAF MUJADDID : ANALISA PERANAN TAJDIDNYA

Oleh:

Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim *

Abstract

Tajdīd (reform) is an islamic terminology and concept aims at returning mankind to the genuine teaching of Islam. Among the earliest mujaddid (reformer) in islamic history is Omar b. 'Abdul 'Aziz, one of the Umayyad caliphs. Therefore, this article tries to analyse the role of Omar b. 'Abdul 'Aziz in the tajdid movement especially in the aspect of government, da'wa and knowledge.

Pengenalan

Al-Imām al-Sayūti dan Ibn al-Athīr dalam menyenaraikan tokoh ulama' mujaddid bersepakat memperakui dan menempatkan khalifah Umawi iaitu Omar bin 'Abdul 'Aziz sebagai mujaddid mewakili kurun pertama Hijrah. Al-Imām Ahmad Ibn Hanbal dalam satu kesimpulannya pula menyifatkan *'sesiapa yang mencintai dan mengasihi Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz, sering mengingati kebaikannya dan menyebarkan kepada pengetahuan masyarakat, bererti ia telah*

* Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, Ph.D adalah Prof. Madya dan Ketua Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

menjalankan suatu aktiviti untuk kebaikan masa hadapan ummah Insya Allah'.¹ Kesimpulan yang dibuat oleh al-Imām al-Mujtahid Aḥmad Ibn Hanbal ini memperlihatkan keunggulan peranan Khalifah Omar 'Abdul 'Azīz dalam Islah zamannya dan pengaruh Islahnya diperlukan kini dan untuk zaman berikutnya kerana itu perlu mendapat kepekaan masyarakat Islam.

Bibliografi

Adalah lebih baik dimulakan huraian ini dengan pengenalan biografi Khalifah Omar 'Abdul 'Azīz. Beliau ialah Omar bin 'Abdul 'Azīz bin Marwān bin al-Hākam bin Abī al-'As bin Ummu Asīm bin Khalifah al-Rasyidin kedua Omar Ibn al-Khattāb. Beliau telah dilahirkan pada 56 H 675 M.² Keperibadian beliau telah mendapat perhatian meluas dan dikagumi umum. Disebabkan itu bersama namanya disertai pelbagai gelaran seperti al-Imām, al-Ḥafīz, al-Mujtahid, al-Zahīd, al-Abīd, al-Sayid Amir al-Mukminīn, al-Rasyīd dan lain. Menurut al-Zahabī, segala gelaran yang menyertai sebutan namanya adalah menepati ciri-ciri yang melingkungi kehidupan peribadi dan kepimpinan yang dibawa oleh Abū Ḥafaz al-Madani al-Miṣri Omar 'Abdul 'Azīz.³

Omar bin 'Abdul 'Azīz adalah khalifah Bani Umaiyah ke 7.⁴

¹ 'Abdul 'Azīz Said al-Ahli al-Khīfah (1963), *Al-Zahīd Omar Ibn al-'Azīz*, Cairo, h.10.

² Laporan keturunan Khalifah Omar 'Abdul Azīz boleh dilihat dalam Ibn Sa'd, Muḥammad Ibn Sa'd al-Hasyīmī al-Baṣrī (1990), *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, J. 5, Beirut: Dār al-Kutub, h. 330;; al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (1967), *Tarīkh al-Rusūl wal-Mulūk*, J. 6, Cairo, h. 565; al-Mas'ūdī, Abī al-Hassan Alī bin Husain bin 'Alī (1964), *Murūj al-Dhahab Wa Ma'ādini Al-Jauhar*, J. 3, Cairo: Maṭba'ah al-Sa'ādah, h. 193. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan mengenai tarikh kelahiran beliau sama ada pada 56, 61 atau 62 Hijrah.

³ Al-Zahabī, Syamsuddin Moḥammad Aḥmad (t.t), *Sirah 'A'lām al-Nubalā'*, J.5, Cairo, h.114.

⁴ Pemerintahan Bani Umaiyah bermula pada 41 H/661 M berikutan penyerahan

Bahkan beliau dilihat sebagai memperlihatkan dan mengembalikan sistem khalifah Islam yang berjalan dalam era khalifah al-Rasyidin sebagai suatu sistem yang menjadi kebanggaan Islam dan umatnya. Di bawah kepimpinan beliau, bendera kebenaran telah terangkat kembali dengan megahnya dan bersinar serta berputik kembali harapan di setiap sanubari dalam menikmati keadilan rahmat, keberkatan kehidupan dan kemanusiaan yang mulia dan terhormat.

Pendidikan Khalifah Omar 'Abdul 'Aziz

Khalifah Omar 'Abdul Aziz melalui proses pertumbuhan dan pendidikan selepas dilahirkan di Madinah al-Munawarah, atas kehendak ayahnya 'Abdul Aziz yang waktu itu menjadi gabenor pemerintahan Bani Umayyah di Egypt (Mesir) dari tahun 65-85H/684-704M. Khalifah Omar 'Abdul 'Aziz mengikut laporan ahli sejarah telah berada di Egypt untuk tempoh masa yang pendek setelah dilahirkan kerana ayahnya telah menghantarnya ke Madinah⁵ agar pertumbuhan kanak-kanaknya berjalan bersama anak-anak dan cucu Khalifah Omar Ibn al-Khattab yang majoritinya tinggal di Madinah. Melaluinya, beliau memperolehi didikan pengetahuan dan didikan moral tokoh ilmuannya dan ulama' Madinah yang lain. Sememangnya Kota Madinah pada era itu memiliki tokoh ulama' terkemuka dalam pelbagai disiplin ilmu seperti Fiqh, Hadis dan lain-lain dengan ketinggian peribadi dan moral seperti zahid, takwa dan saleh. Berasaskan keadaan ini, adalah tidak hairan jika didapati Omar Ibn 'Abdul 'Aziz banyak terpengaruh dengan pendidikan dan realiti dari Madrasah Madinah. Beliau dikatakan mewarisi riwayat hadis dari banyak kalangan sahabat dan tabiin. Ibn Kathir dan al-Zahabi menjelaskan dalam laporannya bahawa Omar Ibn 'Abdul 'Aziz menjadi perawi hadis daripada Anas Ibn Malik, 'Abdullah Ibn Ja'afar Ibn Abi

kekhalfahan oleh Hassan kepada Mu'awiyah. Pemerintahan Umayyah berkekalan hingga 132H/749M.

⁵ Al-Zahabi, *op.cit.*, h. 116.

Ṭālib, al-Sa'id bin Yāzid, Sahal bin Saad, Yūsuff bin 'Abdullah bin Salam, Said bin al-Mussayyab, 'Urwah bin al-Zubir, Abī Salāmah bin 'Abdul Raḥmān, al-Kasim bin Muḥammad bin Abū Bakar, Salikin bin 'Abdullah bin Omar bin al-Khattāb, 'Abdullah bin Ubaidullah bin Atabah bin Mas'ūd dan lain-lain.⁶

Dengan kedudukan ini, Omar Ibn 'Abdul 'Azīz adalah antara ahli Feqah, *mujtahid* dan tokoh ulama' tabiin yang utama. Pandangan dan kesimpulan yang dikemukakannya menjadi sandaran hujah pada semua pendapat tabiin.⁷ Kenyataan al-Imām mujtahid Aḥmad Ibn Hanbal ini merupakan pengiktirafan beliau dan ulama' mujtahid tentang kejituan kebenaran pemikiran khalifah Omar dan keunggulan moral dan keperibadiannya.

Dengan kedudukan ini juga, riwayat-riwayat beliau telah dilanjutkan pula oleh kalangan ulama' tabiin seperti Abū Bakar bin Hazmi, Raja' bin Haiwah, Ibn al-Mukadar, al-Zuhri, Umbasah bin Sa'id, Ayyab al-Sakhinati, anaknya 'Abdul Azīz, Zaiyyan dan lain-lain. Berasaskan keluasan riwayat hadis Omar 'Abdul 'Azīz dan keahlian feqah, kejituan ijtihad dan ketinggian akhlaknya telah mempengaruhi kalangan guru atau syeikhnya ikut memperolehi hadis darinya hingga menyebabkan ia memperolehi gelaran guru kepada ulama'. Sebagai contoh peristiwa yang berlaku kepada Maimun Ibn Maḥran, salah seorang gurunya menceritakan bahawa beliau pernah menziarahi Omar 'Abdul 'Azīz berasaskan anggapan berkemungkinan Omar 'Abdul 'Azīz memerlukan pengetahuan darinya, tetapi anehnya apabila dia mendekati Omar 'Abdul 'Azīz keadaan telah menjadi keadaan sebaliknya, di mana dia iaitu Maimun bertukar menjadi pelajar (murid) kepada Omar 'Abdul 'Azīz.⁸

⁶ *Ibid.*

⁷ Ibn Kathīr (1966), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Jil. 9, Cairo: Maktabah Naṣr, h. 192.

⁸ Al-Zahabī, *op.cit.*, h. 121.

Khalifah Omar 'Abdul 'Aziz menghabiskan usia muda di Madinah al-Munawwarah sehinggalah ayahnya 'Abdul 'Aziz, Gabenor Umawi di Mesir meninggal dunia pada tahun 85H/704M. Berikutan kematian ayahnya beliau diambil oleh bapa saudaranya 'Abdul Malik bin Marwan dan memindahkannya untuk tinggal di Damsyik dan menjalani kehidupan bersama-sama anak-anaknya serta mengahwinkan Omar 'Abdul 'Aziz dengan anak perempuannya Fātimah.⁹ Selain itu, Omar dilantik sebagai gabenor sebuah daerah kecil di Syām iaitu Khan Fas dari wilayah Halab. Perlantikan ini dibuat oleh Khalifah 'Abdul Malik sebagai latihan untuk mendedahkan Omar 'Abdul 'Aziz dengan pengetahuan dan pengalaman pentadbiran serta strategi pemerintahan. Kedudukannya sebagai gabenor di Syām kekal hingga ke akhir hayat 'Abdul Malik pada tahun 86H/706M.

Omar 'Abdul 'Aziz sebagai Gabenor Madinah

Kematian khalifah 'Abdul Malik telah diganti oleh anaknya al-Walid sebagai *khalifah Bani Umayyah ke-6 (86-96H/706-714M)*. Pada tempoh ini, Omar Ibn 'Abdul 'Aziz memperolehi layanan baik dari khalifah al-Walid, tidak banyak beza dengan layanan yang diberikan oleh ayahanda al-Walid iaitu Khalifah 'Abdul Malik. Lagipun pada waktu itu beliau bukan sekadar sepupunya, tetapi juga adalah suami adiknya Fātimah. Sebagai menghargai kebolehan pengetahuan dan ketinggian moral dan akhlaknya, Omar 'Abdul 'Aziz dilantik menjawat jawatan Gabenor di Madinah pada tahun 87H/705M.¹⁰ Pemilihan dan perlantikan Omar Ibn 'Abdul 'Aziz sebagai gabenor baru di Madinah adalah bertujuan untuk memperbaiki maruah/moral Khalifah Umawiah di kalangan masyarakat Islam Madinah. Ini adalah kerana Omar 'Abdul 'Aziz dikenali sebagai tokoh Umawiah yang mempunyai

⁹ Ibn Kathir (1966), *op.cit.* h. 193; al-Zahabi, *op.cit.* h. 121.

¹⁰ Khalifa Ibn Khayyat (1967), *Tarikh Khalifa Ibn Khayyat*, Najaf: Matba'ah al-Adab, h. 301.

kecenderungan untuk berlaku adil dan ihsan, ditambah dengan faktor bahawa beliau adalah dari keluaran madrasah Madinah. Pembaikian maruah khalifah Umawiah perlu dilakukan disebabkan Gabenor Umawiah di Madinah sebelum ini iaitu Hisyām bin Ismā'il al-Makhzumi didapati melaksanakan dasar pemerintahan dan pentadbiran yang amat buruk dan tidak disenangi oleh penduduk Madinah. Apabila penduduk Madinah mengetahui perlantikan gabenor baru ini, mereka amat gembira kerana keperibadian Omar 'Abdul 'Azīz telah dimaklumi oleh penduduk Madinah kerana beliau banyak menimba pengetahuan dari kalangan ilmuan Madinah dan dikenali majoriti mereka sebagai tokoh Bani Umaiyah yang adil dan terbaik. Semenjak dari hari pertama setelah dilantik sebagai gabenor Madinah, Omar 'Abdul 'Azīz melakukan tindakan terawalnya iaitu menemui pimpinan masyarakat dan ilmuan tersohor di Madinah. Dalam satu perjumpaan dan mesyuarat utama, beliau setelah melantik 10 tokoh ilmuan pimpinan masyarakat sebagai anggota penasihat dan majlis mesyuarat utamanya. Di samping itu, dalam pertemuan dan mesyuarat pertama dengan tokoh ulama' ini, beliau melahirkan harapan tinggi daripada mereka agar dapat memberi kerjasama dan membantunya dalam menegakkan kebenaran dan keadilan. Seterusnya beliau mempertegaskan azam dan tekadnya dengan menyatakan bahawa beliau akan menjalankan pemerintahan dan tindakan berasaskan persetujuan mesyuarat dengan mereka atau sekurang-kurangnya dengan kehadiran dan kesimpulan dari pandangan terbanyak daripada mereka. Dalam pertemuan pertama ini juga, beliau mengajak semua anggota mesyuarat yang dipilih supaya dapat bersama-sama menjalankan peranan sebagai pemerhati tentang perlakuan dan tindakan pegawai-pegawai tadbirnya. Sekiranya terdapat sebarang kelemahan dan salah laku, beliau hendaklah dimaklumkan

¹¹ Al-Zahabī, *Sirah 'A'lām al Nubalā'*, h. 118; Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa Nihāyah*, h. 194. Antara anggota mesyuaratnya ialah 'Urwah, 'Ubaidillah, Salman bin Yasar, al-Kāsim, Sālim, Khadījah Abū Bakar bin 'Abdul Raḥmān, Abū Bakar bin Sulaiman bin Abī Hisyam 'Abdullah bin Aāmir bin Rabīah.

tentang perkara tersebut agar tindakan ke arah pembaikan dapat dilakukan dengan segera.¹¹

Omar 'Abdul 'Aziz mengekalkan jawatannya sebagai gabenor Madinah selama 6 tahun, satu tempoh perkhidmatan yang mendapat sanjungan dan penghargaan yang tinggi dari penduduk. Sepanjang tempoh tersebut, beliau memimpin sendiri kehadiran menunaikan fardu haji di Makkah untuk beberapa kali. Antara khidmat pembangunan yang ditunaikan dalam tempoh itu ialah usaha pembinaan bagi perluasan ruangan sembahyang dan kemudahan di Masjid Nabi di Madinah di atas perintah dan persetujuan khalifah al-Wālid bin 'Abdul Mālik. Omar 'Abdul 'Aziz menyifatkan tempoh masa perkhidmatannya sebagai gabenor Madinah sebagai masa-masa paling bahagia dalam hidupnya. Namun demikian sebagai tokoh ulama' yang penuh tepu dengan ketaqwaan tetap tidak melupakan sejarah hitam yang melibatkan Habib bin 'Abdullah bin al-Zubair, di mana Omar atas perintah Khalifah al-Wālid telah terpaksa bertindak menjatuhkan hukum sebat ke atas Habib hingga akhirnya mengakibatkan Habib meninggal dunia kesan dari sebatan yang dikenakan ke atasnya. Peristiwa ini meninggalkan kesan mendalam ke atas psikologi Khalifah Omar hingga peristiwa dan tragedi hitam itu terus kekal dalam ingatannya sehingga apabila beliau mendengar individu Islam melahirkan pengucapan yang mengagumi pemerintahan dan pentadbiran dan memujinya, beliau lantas mengingatkan orang yang mengaguminya itu dengan kesilapan dan dasarnya berkaitan peristiwa yang melibatkan Habib.¹²

Pada tahun 93H/710M, khalifah al-Wālid mengambil tindakan melucutkan Omar 'Abdul 'Aziz dari jawatan gabenor Madinah. Perlucutan ini mempunyai hubungan dengan peranan al-Hajāj bin Yūsuff al-Thaqāfi yang pada waktu itu merupakan gabenor Bani Umayyah di Irāq. Al-Hajāj dikatakan telah melaporkan kepada khalifah al-Wālid berhubung pemberontakan penduduk Irāq ke atas sistem pemerintahan

¹² Al-Zahabī, *op.cit.*, h. 118; al-Ṭabarī, *Tarīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, J. 6, h. 482.

Bani Umaiyyah. Para pemberontak dikatakan telah melarikan diri keluar dari Irāq dan menjadi pelarian di Madinah dan telah memperoleh perlindungan dari gabenornya Omar ‘Abdul ‘Azīz atau sekurang-kurangnya mereka tidak dihukum dan dizalimi di Madinah.¹³

Laporan lain pula menyatakan bahawa perlucutan Omar ‘Abdul ‘Azīz sebagai gabenor Madinah adalah disebabkan keengganan Omar ‘Abdul ‘Azīz menyetujui kehendak khalifah al-Wālid yang mahu menyingkirkan saudaranya Sulaiman dari kedudukan putera mahkota yang bakal dilantik sebagai khalifah selepasnya, sebagai memberi laluan bagi melantik anaknya sendiri, ‘Abdul ‘Azīz sebagai khalifah. Al-Ṭabarī dalam laporannya memetik:

‘Omar ‘Abdul ‘Azīz menjelaskan bahawa bagi Sulaiman telah mengikat kita melalui Ba’iah yang telah diberi, maka sebarang usaha mengenepi dan melucutkannya sudah tentu memberi kesan mendalam ke atas dirinya. Oleh itu, dibimbangi memberi kesan yang buruk ke atas pemerintahan Bani Umaiyyah berikutan pemecatannya.’¹⁴

Walaupun bagaimanapun, Omar ‘Abdul ‘Azīz telah meninggalkan Madinah dan kembali ke Syām berikutan pemecatannya sebagai gabenor wilayah tersebut. Semenjak itu, beliau tidak diamanahkan dengan sebarang tanggungjawab pentadbiran dalam baki tempoh pemerintahan al-Walid. Setelah khalifah al-Walid meninggal dunia 96H /714M, pemerintahan Bani Umaiyyah diganti oleh Sulaiman sebagai khalifah (96-99H/714 – 717M). Dalam tempoh ini, Omar ‘Abdul ‘Azīz kembali menjadi pembantu penasihat dan anggota mesyuarat pemerintahan Bani Umaiyyah. Beliau juga kekal mendampingi dan membantu pemerintahan Bani Umaiyyah sepanjang tempoh Khalifah Sulaiman.

¹³ Al-Ṭabarī, *Tarīkh*, h. 481.

¹⁴ *Ibid.*, h. 483; al-Zahabī, *op.cit.*, h.121.

Omar 'Abdul 'Aziz Dilantik Sebagai Khalifah

Antara peranan dan khidmat terhormat serta mendapat penghargaan tinggi rakyat terhadap pemerintahan khalifah Sulaiman ialah kerana hubungan baiknya dengan Omar 'Abdul 'Aziz dan persetujuannya melantik Omar ke jawatan khalifah Bani Umayyah menggantikannya. Ini adalah kerana moral yang tinggi, terhormat, baik, bertaqwa, adil dan bertindak berlandaskan kebenaran yang dimiliki dan menjadi kriteria Omar 'Abdul 'Aziz.

Jika dikira asas pemilihan dan pencalonan khalifah waktu itu, adalah jelas bahawa tidak ada ruang kepada kemungkinan perlantikan khalifah Omar 'Abdul 'Aziz, tetapi ia sebaliknya adalah menjadi milik anak-anak khalifah Sulaiman. Sememangnya khalifah Sulaiman telah menentukan anaknya atau saudaranya Ayūb sebagai wali al-Ahdi (putera mahkota) yang bakal menerima perlantikan sebagai khalifah selepasnya, tetapi Allah telah mentakdirkan Ayūb meninggal dunia lebih dahulu dari khalifah Sulaiman. Hal ini telah menyebabkan khalifah Sulaiman mengalami keuzuran yang akhirnya membawa kematian. Beliau tidak mempunyai anak lelaki lain kecuali yang masih kecil di usia kanak-kanak yang tidak berkelayakan untuk diberikan tugas dan amanah besar seperti jawatan khalifah. Apabila isu ini dibincangkan oleh Sulaiman dengan penasihat kanannya Raja' Ibn Haiwah,¹⁵ Raja' telah mengambil kesempatan mencalonkan tokoh Bani Umayyah yang terbaik untuk dicalonkan sebagai khalifah. Beliau mencadangkan khalifah Sulaiman melantik seorang yang disifatkan Raja' sebagai tokoh yang tidak ada ruang untuk syaitan mengeksploitasi dan menguasainya iaitu Omar bin 'Abdul 'Aziz.

¹⁵ Raja' Ibn Haiwah bin Jarul al-Kandi berasal dari Jordan adalah seorang ulama' dan ahli bahasa yang berkhidmat sebagai menteri dan penasihat kepada pemerintahan Bani Umayyah yang memperlihatkan sikap terhormat dalam memberi pandangan kepada pemerintahan Umayyah. Lihat 'Abdul 'Aziz Said al-Ahli al-Khifah (1963), *Al-Zahid Omar Ibn al-'Aziz*, h. 30.

Sememangnya hubungan antara khalifah Sulaiman dan Omar 'Abdul 'Aziz adalah baik dan di antara anggota mesyuaratnya. Oleh itu cadangan tersebut telah disambut dengan baik oleh khalifah Sulaiman dan dengan segera menulis wasiat untuk maksud itu kepada Omar Ibn 'Abdul 'Aziz. Khalifah Sulaiman seterusnya meminta Raja' memainkan peranan yang terbaik agar proses peralihan dan perlantikan Omar 'Abdul 'Aziz sebagai khalifah berjalan dalam suasana yang baik tanpa menimbulkan sebarang masalah yang menggagunya. Apa yang dilakukan oleh Raja' dalam nasihat dan peranannya menyelesaikan permasalahan ini adalah memperlihatkan contoh bagaimana peranan seorang penasihat dan anggota pentadbiran negara dalam peranannya dan nasihat untuk kemaslahatan negara dan ummah, bukan mengeksploitasi kedudukan untuk kepentingan yang bersifat peribadi sendiri.

Omar 'Abdul 'Aziz memulakan peranannya sebagai khalifah Bani Umaiyah yang kelapan (199–101H/717–719M), iaitu untuk satu tempoh yang pendek selama tiga tahun sahaja, tetapi telah meninggalkan kesan yang besar untuk dinikmati oleh umat Islam waktu itu dan menjadi contoh yang terus hidup dalam sanubari ummat Islam sepanjang zaman. Tempoh beliau memegang jawatan sebagai khalifah Bani Umaiyah adalah merupakan zaman peralihan penting dalam kehidupan peribadi Omar Ibn 'Abdul 'Aziz sendiri dan memberi kesan besar kepada sejarah Daulah Umaiyah, bahkan dalam sejarah Islam seluruhnya. Dari sudut kehidupan peribadinya, perlantikannya sebagai khalifah dilihat sebagai titik peralihan antara dua peringkat zaman kehidupan Omar 'Abdul 'Aziz.

Peringkat pertama kehidupan Omar 'Abdul 'Aziz ialah zaman sebelum dilantik sebagai khalifah. Pada peringkat ini, walaupun beliau telah dikenali dengan keperibadian yang baik, bertaqwa tetapi sebagai anak muda yang hidup dalam keluarga pemerintahan Bani Umaiyah, maka ia menjalani kehidupan yang mewah, dihiasi dengan pakaian yang berharga, menikmati makanan-makanan dan berjalan dengan perjalanan yang memperlihatkan kemegahan hingga dikenali di kalangan generasi

sezamannya dengan lagak jalanan al-Umariah kerana memperlihatkan ciri yang berbeza dari kawan-kawannya yang lain. Bahkan ekorannya akan tercium semerbak bau yang enak dan ini pernah disebut bahawa pada satu ketika beliau kelewatan menghadiri sembahyang di masjid kerana menguruskan rambutnya. Akibatnya, peristiwa itu telah dilaporkan oleh gurunya kepada ayahandanya dan dia telah dimarahi ayahandanya sendiri.¹⁶

Walaubagaimanapun, setelah dilantik sebagai khalifah, beliau telah banyak mengubah cara hidup dan perlakuannya dengan memilih kehidupan yang benar-benar zahid, mengelak dari kehidupan bermewah-mewah dan perhiasan yang melampau. Perubahan mendadak ciri hidupnya ini dikatakan disebabkan perasaan bertanggungjawab yang tinggi dalam dirinya. Beliau memilih untuk mengenyahkan ciri yang mewarnai hidupnya dan kehidupan khalifah Umayyah sebelumnya, hingga dilihat pada peringkat ini beliau memilih kehidupan yang amat rendah. Ini dapat diperlihatkan melalui penolakan beliau untuk menggunakan kenderaan khalifah yang layak untuknya dengan alasan bahawa kenderaan tersebut lebih bercirikan kemegahan dan beliau beranggapan bahawa kenderaan persendirian lebih terhormat untuknya. Selain itu, beliau juga menolak untuk tinggal di istana kerajaan yang disediakan sebagai kediaman khas khalifah, sebaliknya lebih senang tinggal di rumah sederhana miliknya sendiri yang dianggap sebagai sudah cukup memadai untuknya. Banyak laporan sejarah yang melukiskan gambaran zahidnya sehingga pada sesetengah laporan sejarah memperlihatkan cerita-cerita zahidnya mengatasi gambaran tentang aspek-aspek lain dari kehidupannya sebagai khalifah iaitu pemerintah dan pentadbirannya.¹⁷

Hakikatnya, pendekatan zahid yang tinggi menjadi pilihan khalifah Omar 'Abdul 'Aziz setelah menjawat jawatan khalifah adalah dipengaruhi oleh tanggungjawab sebagai pemerintah muslim dalam

¹⁶ Al-Mas'ūdi, *Murūj al-Dhahab*, h. 196; al-Zahabi, *op.cit.* h. 122.

¹⁷ Al-Zahabi, *op.cit.* h. 122; Ibn Kathir, *al-Bidāyah*, h. 198.

memenuhi kewajiban terhadap Allah dan mempertanggungjawabkan kewajiban memperbaiki keadaan yang bertentangan dengan hukum Allah serta mengembalikan golongan yang menyeleweng kepada penghayatan yang benar. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pada waktu itu di kalangan khalifah Bani Umayyah dan pegawai-pegawai tadbirnya telah dikuasai oleh cara hidup yang mewah, dengan perlumbaan kepada pendekatan memilih untuk memiliki dan membina istana-istana yang megah atau memperbaharunya dengan hiasan-hiasan yang indah-indah dan berharga. Pendekatan seumpama itu dalam keadaan penggunaan sumber-sumber kewangan yang halal atau sekadar memenuhi keperluan pejabat awam yang berketrampilan adalah suatu amalan yang tidak menyalahi syara'. Ini adalah kerana khalifah Omar Ibn al-Khattāb sebelumnya tidak menghalang tindakan Muawiyah ketika menjadi gabenor di Syam memilih pendekatan kehidupan sebagai penjawat awam yang berketrampilan, dengan alasan Syām adalah bekas jajahan takluk Rom dan masyarakat Rom biasa dan hanya dapat menghormati pemerintah dan pegawai dengan ciri-ciri yang demikian. Namun demikian, pada pengamatan khalifah Omar 'Abdul 'Azīz keadaan itu telah membudayakan kehidupan semua peringkat kakitangan kerajaan pemerintah bani Umayyah hingga ia menjadi fitnah, bahkan sampai ke peringkat berlaku penyelewengan, pecah amanah dan kecurian terhadap tanggungjawab negara semata-mata kerana mendahulukan kemewahan hidup. Bagi khalifah keadaan tersebut adalah merbahaya kepada masa depan pemerintahan Bani Umayyah dan juga merupakan kezaliman, bahkan boleh meruntuhkan negara.¹⁸

Berasaskan usaha yang dimulakan ke arah memperbaiki keadaan ini dengan mengambil pendekatan memulakan dari dirinya sendiri. Tempoh pemerintahan khalifah Omar Abdul Azīz tidak terlalu panjang kerana beliau meninggal dunia dalam usia sekitar 40 tahun iaitu pada tahun 101H/719M. Terdapat riwayat sejarah yang menyatakan

¹⁸ Al-Mas'ūdī, *Murūj al-Dhahab*, h. 241; 'Abdul al-Ḥaayī al-Kattānī, *Nizām al-Hukūmah Al-Nabawīah al-Musamma al-Tarātib al-Idāriah*, J.1, hh. 14-15.

kematiannya dalam tempoh pemerintahan yang pendek adalah hasil perbuatan khianat di kalangan sebahagian keluarga pemerintah yang tidak senang dengan langkah segera yang diperkenalkan oleh Omar 'Abdul 'Aziz atau oleh kalangan musuh-musuh pemerintahan Bani Umaiyah.¹⁹ Walaubagaimanapun, kebenaran laporan seperti itu masih dicurigai kesahihannya.²⁰

Realiti Politik dan Masyarakat Zaman Umawiyah

Sebelum diperkatakan tindakan, pendekatan dan usaha-usaha Islam dan tajdid yang dilaksanakan oleh khalifah Omar 'Abdul 'Aziz, adalah lebih sesuai dilihat dahulu tentang realiti politik (pemerintahan) dan kemasyarakatan zaman pemerintahan Bani Umaiyah sebelumnya. Suatu penilaian yang lebih tepat mengenainya adalah penting untuk mungkin penilaian terbaik Islam Omar bin 'Abdul 'Aziz.

Berakhirnya tempoh pemerintahan khalifah al-Rasyidin dan bermulanya kekuasaan dan pemerintahan Bani Umaiyah bererti bermulanya pemerintahan yang lebih bernilai sebagai pemerintahan Arab berbanding dengan dahulunya sebagai pemerintahan Islam. Pertukaran dan perubahan baru dalam sejarah Islam telah memberi laluan kepada nilai-nilai jahiliyah kembali mengambil kedudukan. Suatu nilai yang semenjak sebelum ini lagi sentiasa mengintai peluang seperti ini. Berasaskan ini, budaya dan nilai jahiliyah telah subur kembali dalam kehidupan masyarakat sedangkan budaya tersebut telah dihapuskan sebelumnya melalui dakwah berasaskan aqidah dan pemerintahan yang berasaskan keadilan. Rasulullah s.a.w sebelum pemergiannya menyahut panggilan Allah pernah mempertegaskan dalam suatu ucapan agungnya dengan menyatakan bahawa Allah telah menghilangkan dari manusia nilai-nilai jahiliyah dan kebanggaan kepada keturunan kerana manusia pada dasarnya dari keturunan yang satu iaitu Adam dan Adam

¹⁹ Ibn Qutaibah, *al-Ma'arif*, Cairo, h. 363.

²⁰ 'Abdul Syafi' (1984), *al-'Ālam al-Islāmi fī 'asri al-Umawi*, Cairo, h. 182.

diciptakan Allah dari tanah. Oleh itu, tidak ada kelebihan orang Arab berbanding lain-lain bangsa dan tidak ada kelebihan lain-lain bangsa berbanding bangsa Arab, kecuali melalui penghayatan taqwa.²¹

Walaubagaimanapun dengan kedatangan Bani Umaiyyah yang mengambil alih kepimpinan negara dan umat Islam, nilai-nilai dan budaya jahiliyyah yang dihapuskan Islam sebelum ini telah kembali aktif dan cergas menguasai kehidupan masyarakat Islam. Asabiah, kekabilahan dan lain-lainnya telah kembali menghambat kemaslahatan masyarakat dan menentang penguasaan roh dan nilai Islam di mana ia kembali menguasai nurani dan penghayatan individu Islam. Apa yang mengambil tempat dan menjadi pilihan utama umat pada masa itu ialah nilai-nilai kebendaan menyebabkan objektif dan tujuan kerja bagi individu dan masyarakat umat Islam telah berubah. Objektif kemuliaan jihad, kemurahan telah diganti oleh objektif kemegahan, takabur dan penguasaan kebendaan hingga nilai-nilai yang berupa Ridha Allah, pahala dan pembalasan di akhirat langsung hilang dari perhatian. Al-Faraj al-Iṣfihāni menggambarkan satu contoh mewarnai satu pimpinan masyarakat yang cuba bermegah-megah dengan hidangan makanan²². Walaupun apa yang dilukiskan oleh al-Iṣfihāni merupakan satu lukisan yang bersifat individu, namun ia menggambarkan nilai ikhlas dalam sesuatu tindakan sudah luntur. Kisah yang dipaparkan oleh Abū al-Faraj ini jika dibandingkan dengan kisah yang seumpamanya adalah terlalu amat besar perbezaannya di mana Abī Ṭalhah yang dengan penuh keikhlasan menyediakan makanan kepada tetamu walaupun pada dirinya waktu itu memiliki makanan yang sedikit, tetapi masih bersedia mendahulukan tetamu dengan dirinya dan keluarganya sendiri redha tidak menikmati makanan.²³

²¹ Abū Hassan ‘Alī al-Nadāwī, (1989), *Rijāl al-Fikrī wa al-Da’wah fī al-Islām*, Kuwait: Dār al-Islām, h. 27.

²² Abū al-Faraj al-Iṣfihānī (1962), *Kitāb al-Aghāni*, Juzu’ 7, h. 178.

²³ Ibn Kathīr, Abū al-Fida’ ‘Ismā’il bin Omar (1969), *Tafsir Al-Qur’an Al-Karim*.

Dari sudut perjalanan pemerintahan pula telah melalui perubahan yang amat ketara. Dalam tempoh pemerintahan al-Rasyidin, pemerintahan diasaskan kepada syura dalam pemerintahan, pelaksanaan dasar dan pentadbiran negara. Syura yang memberi kebebasan kepada semua pihak membentang pemikiran dan kritikan yang diasaskan kepada objektif menegakkan kebenaran sesuai dengan tuntutan Allah yang menuntut setiap urusan dilaksanakan melalui asas syura.²⁴

Pemerintahan di era khalifah al-Rasyidin terlaksana berasaskan prinsip amanah bermula dari amanah dan ketelusan dalam pemilihan kakitangan pentadbiran yang diasaskan kelayakan dan akhlak yang tinggi, amanah dan ketelusan dalam pengurusan kewangan negara dengan komitmen dan iltizam kepada tuntutan syariah dalam penentuan cukai dan perbelanjaan, sesuai dengan tuntutan Allah yang menghendaki para pemerintah dan pentadbiran menunaikan secara beramanah²⁵. Pemerintahan khalifah al-Rasyidin juga berjalan dan dilaksanakan berasaskan prinsip keadilan. Asas keadilan yang dimulakan melalui pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang ditentukan Allah, persamaan yang tidak mengenal individu dan kumpulan yang memperoleh keistimewaan berbanding individu dan kumpulan lain, keadilan dalam pelaksanaan pengadilan. Keadilan adalah prinsip asasi pemerintahan Islam. Tidak dapat dikira wujud Islam sama sekali dalam masyarakat yang didominasi dan dikuasai kezaliman dan tidak mengenal keadilan. Tuntutan ini jelas dari kenyataan Allah yang menuntut penghukuman di antara manusia berasaskan keadilan.²⁶ Terakhirnya, pemerintahan di zaman khalifah al-Rasyidin melaksanakan tuntutan amar ma'ruf dan nahi mungkar yang merangkumi tindakan mengislahkan penghayatan agama di kalangan rakyat, pelaksanaan sistem pendidikan yang terbaik yang dapat diikuti oleh seluruh warganegara,

²⁴ Al-Syura (42): 38.

²⁵ Al-Nisa (4): 58.

²⁶ *Ibid*.

penguatkuasaan yang berkesan, penerangan pertahanan dan jihad bagi menentukan ketuanan negara dan agama dihormati. Dalam hubungan dengan tanggungjawab amar ma'ruf dan nahi mungkar, Allah mempertegaskan kepada kepimpinan di muka bumi ini supaya memastikan penghayatan agama di kalangan rakyat dan menegakkan ma'ruf dan nahi mungkar.²⁷

Prinsip-prinsip ini terlaksana sesempurnanya dalam sejarah awal Islam yang diasaskan Rasulullah s.a.w dan tempoh 30 tahun era pemerintahan khalifah al-Rasyidin berikutan perletakkan jawatan sebagai khalifah oleh Hassan bin 'Alī pada tahun (41H/661M)²⁸ dan penyerahan kuasa kepada Muawiyah, dengan maksud untuk memenuhi perpaduan umat Islam. Namun, dalam tempoh pemerintahan Muawiyah, beliau memulakan pemerintahan berasaskan sebagai seorang malik (Raja) dari raja-raja Islam dan dalam pemilihan mereka.²⁹ Bermula dari tarikh itu, prinsip-prinsip seperti yang terlaksana dalam era Rasulullah s.a.w dan khalifah al-Rasyidin telah ditinggalkan sedikit demi sedikit sehingga kepimpinan didominasi oleh tokoh-tokoh berasaskan kekuatan bukan kebenaran. Perkembangan dan senario ini menjadikan persoalan kewangan negara berasaskan ketelusan, amanah, adil seperti di zaman khalifah al-Rasyidin itu telah bertukar menjadi sebaliknya di mana prinsip yang mendominasi waktu itu ialah dasar pengambilan dari golongan miskin dan fakir untuk disumbangkan kepada barisan pimpinan, hartawan-hartawan, dan penyair-penyair serta penyanyi-penyanyi mereka. Dalam tempoh itu, khalifah lebih banyak dikelilingi oleh para penyair, penyanyi dan orang-orang kaya, kepada mereka dibelanjakan segala wang-wang sedekah. Abū al-Faraj melaporkan kebanyakan jemputan ke majlis-majlis khalifah adalah para hartawan dan mereka yang memperolehi kemuliaan manakala para

²⁷ Al-Hajj (22): 41.

²⁸ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah*, h.16; Abū al-A'lā Al-Maudūdī (1978), *Al-Khilāfah Wal Malik*, Kuwait: Al-Kalam, h. 14.

²⁹ *Ibid.*

fakir dan miskin diketepikan dan dilupakan. Di samping itu, majlis-majlis mereka dipenuhi dengan budaya-budaya mungkar seperti minuman keras dan nyanyian yang bertentangan dengan tuntutan agama.³⁰

Budaya buruk dan bertentangan dengan nilai-nilai agama yang mewarnai kehidupan pimpinan politik dan para hartawan ini telah memberi pengaruh besar pula kepada kehidupan masyarakat dari sudut penilaian mereka mengenai kesejahteraan, kemuliaan dan kehormatan. Perkembangan buruk yang meluas yang dipamerkan oleh cara hidup pimpinan dan orang-orang yang kaya di kalangan umat Islam telah menjadi fokus, usaha, dan gerak kerja ulama' islah dan mujaddid dari kalangan umat Islam dalam setiap zaman dalam memenuhi kewajipan agama bagi mengembalikan politik dan pemerintahan negara kepada prinsip dan perjalanan seperti yang berlaku di era Rasulullah s.a.w. dan khalifah al-Rasyidin.

Dari sudut pengurusan kewangan dan pembangunan ekonomi pula, kedudukan Baitulmal (perbendaharaan negara) dari sudut kebenaran adalah dimiliki oleh umah atau rakyat. Baitulmal yang seharusnya bertindak bagi memenuhi keperluan dan pembangunan ekonomi dan kebajikan rakyat telah bertukar menjadi seolah-olah dimiliki seorang individu dengan pengurusan dan perbelanjaan dalam memenuhi keperluan syahwah dan kemahuannya sahaja pada zaman kerajaan Umayyah. Prinsip Islam seperti kenyataan al-Qur'an yang telah mempertegaskan agar kekayaan itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan manusia³¹ atau berasaskan tuntutan Rasulullah yang mempertegaskan peringatan dan pelaksanaan pengurusan melalui polisi dan strategi mengambil dari yang kaya untuk diberikan kepada si fakir tidak di'amalkan oleh pemerintah Umayyah. Manakala khalifah Abū Bakar dalam ucapan dasar setelah dipilih menjadi khalifah mempertegaskan bahawa yang berada di kalangan

³⁰ Abū al-Faraj al-Isfihānī, *Kitāb Al-Aghāni*, h.178.

³¹ Al-Hasyar (59): 7.

rakyat adalah lemah pada tindakannya hingga diambil darinya. Manakala yang lemah dari kalangan rakyat adalah kuat pada pandangan kami hingga diberikan kepadanya.³² Polisi pemerintahan dalam pengurusan kewangan berpaksikan ini telah mula diabaikan oleh kalangan pemerintah khalifah Bani Umaiyyah menyebabkan rakyat terhalang dari memperolehi hak yang sewajarnya dinikmati seperti sebelum.

Demikian Rasulullah s.a.w dan khalifah al-Rasyidin telah menjalankan pemerintahan berasaskan keadilan, syura, amanah dan amar makruf dan nahi mungkar. Asas ini mula terhakis sedikit demi sedikit bermula dari awal pemerintahan Bani Umaiyyah, suatu perkembangan yang menuntut tindakan Islah ke arah pembaikan. Keperluan ini telah dipenuhi oleh tindakan segera dan tegas oleh khalifah Omar 'Abdul 'Aziz sepanjang tempoh pemerintahannya.

Usaha-usaha Islah Omar 'Abdul 'Aziz

Walaupun tempoh hidup khalifah Omar 'Abdul 'Aziz secara relatifnya masih dekat dengan tempoh zaman Rasulullah s.a.w, dan penyelewengan yang mewarnai zaman ini masih kecil jika dibandingkan dengan penyelewengan mewarnai pemerintahan dan masyarakat Islam selepasnya hingga waktu ini, namun usaha-usaha terhormat yang dilakukan oleh khalifah Omar 'Abdul 'Aziz besar ertinya dalam mempamerkan keperluan kepimpinan dan ulama' Islam dalam Islah dan tajdid yang merupakan sebahagian dari tuntutan agama. Usaha dan strategi Islahnya telah dilaksanakan melalui beberapa pendekatan seperti berikut;

³² Al-Nadāwī, (1989), *Rijāl al-Fikrī wa al-Da'wah*, h. 29.

i. Memulakan Islah Melalui Perubahan Diri Sendiri

Allah s.w.t. dalam beberapa peringatannya mempertegaskan bahawa '*Allah tidak merubah nasib sesuatu kaum sehingga kaum itu merubah apa yang ada dalam dirinya.*'³³ Peringatan ini bererti menuntut setiap individu dalam sesuatu komuniti masyarakat ke arah membawa seluruh komuniti masyarakat membuat perubahan demi mengharapkan qada' dan qadar Allah di samping merubahkan nasib masyarakat tersebut. Apabila Allah membangkitkan Muḥammad sebagai utusanNya dengan risalah tauhid dalam merubahkan kehidupan masyarakat Arab khususnya dan masyarakat dunia dari terus diselimuti jahiliah, maka Allah membangkitkannya bukan sekadar membawa risalahNya tetapi mempamerkan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh tauladan yang terbaik dari insan yang memperolehi didikanNya.

Menyedari hakikat ini, khalifah Omar 'Abdul 'Aziz mengambil metodologi ini iaitu memulakan perubahan dari dirinya ke arah perubahan dan Islah masyarakat dalam usaha dan pendekatan Islah dan tajdidnya. Berasaskan kesedaran ini beliau melihat budaya hidup bermewah-mewah dengan diwarnai pula oleh aktiviti melalaikan, fasik di samping mengutamakan keluarga sendiri atau kronism dalam pemerintahan menjadi amalan dan budaya hidup di kalangan keluarga Umawi dan para pegawai pemerintah. Amalan tersebut yang mula menjangkiti individu masyarakat adalah suatu budaya yang merbahaya kepada ketuanan pemerintahan dan kekuasaan Islam. Ibn Khaldun dalam pengamatan terhadap sejarah membuat kesimpulan bahawa penguncupan asabiah dalam bentuk kronism dan budaya hidup mewah merupakan dua faktor yang akan membawa keruntuhan kepimpinan politik dan tamadun sesuatu masyarakat dan bangsa.³⁴ Kesedaran tentang ini telah menyebabkan khalifah Omar 'Abdul 'Aziz memulakan

³³ Al-Ahzab (33): 21.

³⁴ Ibn Khaldūn, 'Abdul Raḥmān Ibn Khaldūn (1990), *Al-Mukaddimah*, Cairo: Dār Al-Nadwah, hh. 361-398.

usaha ke arah merubah budaya negatif ini melalui pendekatan memulakan dari perubahan dirinya sendiri dan kalangan keluarga rumahnya untuk kemudiannya merubah keluarga Umawi lainnya dan masyarakat seluruhnya. Ini adalah selaras dengan pendekatan Rasulullah s.a.w setelah dilantik menjadi Rasul telah memulakan aktiviti dakwah terawalinya kepada isteri dan anak-anaknya. Kemudian baginda meneruskan dakwah Islam di kalangan Bani 'Abdul Muṭalib dan Bani Hasyim sebelum mengemukakan dakwah dan risalah Islam kepada masyarakat Arab umumnya³⁵ dan masyarakat dunia seluruhnya.

Dalam menghayati dan memulakan pendekatan dan strategi ini seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa Omar Ibn 'Abdul 'Azīz adalah anak dalam keluarga Bani Umaiyyah. Sehubungan itu, Omar 'Abdul 'Azīz tidak terkecuali ikut terbudaya dengan budaya majoriti Bani Umaiyyah lainnya sebelum ditauliahkan sebagai khalifah hingga terkenal di kalangan generasinya dengan panggilan 'lagak atau budaya Omar', tetapi dari sudut lain beliau adalah seorang yang memperolehi pendidikan Islam baik bersama ahli-ahli ilmu lain di kota Madinah. Oleh itu, perlantikan beliau sebagai khalifah Bani Umaiyyah telah menyedarkannya tentang tanggungjawab dan amanah besar yang ditanggung dalam menghapuskan budaya negatif yang mewarnai masyarakat Islam waktu itu. Beliau tidak mengambil waktu yang lama sebaliknya telah memulakan usaha Islah dengan memulakan dari dirinya sendiri semenjak hari beliau dilantik sebagai khalifah. Dalam hubungan ini, riwayat sejarah melukiskan tindakan terawalinya setelah memberi ucapan dan meninggal majlis untuk kembali memulakan tugas di mana di pintu masjid telah tersedia dan diatur kenderaan menyambutnya dalam suatu perarakan dan pesta besar-besaran, dengan pelbagai nyanyian, tarian dan sebagainya. Melihat susunan yang teratur dengan nada yang sederhana, beliau menolak menaiki kenderaan pemerintah dan meminta pemandu peribadi dengan kenderaan peribadi

³⁵ Al-Sayūti, 'Abd Rahman b. Abū Bakr (1351), *Tarīkh al-Khulafā'*, Cairo: Idārah Maṭba'ah al-Manbariah, h. 153.

miliknya untuk ditunggangi/dinaiki dan kemudian beliau memerintahkan kenderaan mewah yang disediakan khas untuknya dijual, hasilnya dipulangkan kepada perbendaharaan³⁶ dengan alasan bahawa menggunakan kenderaan milik peribadinya sudah cukup memadai baginya.

Setelah tengahari/petang khalifah Omar kembali semula ke masjid untuk menunaikan ibadat seperti biasa yang telah menjadi budaya di kalangan Bani Marwan di mana khadam masjid akan menyediakan untuk mereka permaidani/sejadah yang baru dan cantik, tetapi Omar Ibn 'Abdul 'Aziz telah masuk ke ruang masjid dan memilih duduk bersama masyarakat awam biasa di atas tikar atau hamparan biasa masjid. Beliau kemudiannya telah mengeluarkan perintah kepada pegawainya supaya menjual hamparan khas yang disediakan untuknya di masjid-masjid dan wang yang diperolehi daripada jualan tersebut dikembalikan kepada perbendaharaan negara bagi aktiviti yang lebih diperlukan oleh rakyat berbanding dirinya dan pegawai-pegawainya.

Sekembalinya khalifah Omar ke rumahnya, beliau didatangi oleh kalangan ahli keluarga bekas khalifah yang kembali ke Rahmatullah, Sulaiman 'Abdul Malik dan bersama mereka longgokan barang-barang berupa peralatan rumah, pakaian dan lain-lain. Mereka kemudian mempersembahkan kepada khalifah Omar untuk menyerahkan barang-barang tersebut. Dalam upacara itu, wakil kalangan isteri-isteri dan anak-anak serta saudara khalifah Sulaiman menyatakan bahawa *'longgokkan ini adalah untuk tuan sebagai khalifah, manakala longgokkan itu pula adalah untuk kami sekalian.'* Mendengar kenyataan itu, khalifah Omar meminta penjelasan klasifikasi antara dua longgokkan itu. Dalam penjelasan tersebut, wakil khalifah Sulaiman menyatakan bahawa *'longgokkan ini adalah dari peralatan dalam simpanan khalifah Sulaiman dan tidak pernah digunakan olehnya. Sehubungan itu, kami menganggap bahawa longgokkan itu bukan*

³⁶ *Ibid.*

milik peribadi khalifah Sulaiman, maka menjadi hak kepada khalifah yang dilantik untuk menguruskannya mengikut selayaknya. Manakala longgokan yang selebihnya pula adalah himpunan peralatan pakaian dan seumpamanya yang didapati telah digunakan oleh khalifah Sulaiman semasa hidupnya. Oleh itu ia dikira milik peribadi khalifah Sulaiman dan ia menjadi habuan warisan untuk diagihkan di kalangan ahli keluarga dan sanak saudaranya dan diharap memperolehi persetujuan tuan sebagai khalifah.’ Mendengar penjelasan itu, khalifah Omar yang baru menerima bai’ah sebagai khalifah dengan tegas menyatakan ‘bahawa semuanya ini bukan untuk saya dan semua itu bukan untuk kamu dan kesemuanya tidak menjadi hak Sulaiman’ dan serentak dengan itu seperti biasa beliau memerintah pegawai mengembalikan sebagai hak perbendaharaan untuk aktiviti dan pembangunan hidup rakyat.³⁷

Perubahan segera yang diambil oleh khalifah Omar ‘Abdul ‘Aziz semenjak hari pertama mengambil alih pemerintahan negara telah mengubah sama sekali hidup dan budaya yang mewarnai kehidupan peribadi dan keluarganya berbanding sebelumnya. Seolah-olah antara dua peringkat kehidupannya tidak mempunyai hubungan dan pertalian sama sekali. Sebelum mengambil alih pemerintahan ciri yang membudayai kehidupan majoriti Bani Umaiyyah ikut mewarnai hidupnya, manakala setelah dilantik menjadi khalifah, ciri dan contoh dari tauladan yang ditunjuk neneknya, Omar Ibn al-Khattāb telah mengambil alih dan mewarnai budaya hidupnya kerana di peringkat ini beliau menolak penggunaan hamba-hamba jariah dan mengembalikannya ke sisi keluarga atau negara asal mereka, memastikan kembali kepada khazanah negara dapatan dan pemberian yang diterima dan yang mencurigakan. Di samping itu, beliau juga menghapuskan budaya membazir berupa majlis-majlis hiburan

³⁷ Ibn ‘Abdul Hakam, Abū Muḥammad ‘Abdullah (1967), *Sirah Omar ‘Abdul ‘Aziz*, Beirut, h. 39.

berleluasa dalam negara dan di istana-istana negara. Sebaliknya beliau kembali menghayati kehidupan yang amat sederhana bahkan menghalang penghormatan yang berlebihan terhadap dirinya sebagai khalifah. Bahkan secara sederhana beliau memulakan salam dan mengharus atau memudahkan bagi pelbagai peringkat rakyat negara untuk menemuinya.

Perubahan besar dalam budaya hidup khalifah Omar 'Abdul 'Aziz sebagai individu dan dalam keluarganya dapat dilihat ketika dalam usia yang masih muda ini sebelum dilantik menjadi khalifah adalah sebagai pemuda yang berperawakan kemas dengan hiasan dan 'pakaian berjenama. Namun, perwatakan ini telah berubah menjadi sebaliknya di mana beliau telah melucutkan segala yang tersebut hingga ke peringkat memiliki pakaian seadanya sahaja semenjak bergelar khalifah. Dalam konteks ini, pernah berlaku peristiwa di mana beliau terlewat ke masjid untuk menyampaikan khutbah Jumaat sedangkan semua jemaah telah berkumpul hingga memenuhi setiap ruang hingga ke kawasan jalan raya. Setibanya ke masjid, beliau telah memohon maaf kepada seluruh jemaah atas kelewatannya pada hari itu disebabkan beliau menunggu baju miliknya yang dicuci kering dahulu.³⁸ Contoh yang lain adalah di rumah yang pernah memperlihatkan sebahagian anak-anak melahirkan mogok untuk tidak menikmati hidangan dari adas dan makanan bernilai rendah kerana mereka biasa sebelum ini menikmati juadah yang enak-enak. Situasi dan gelagat anaknya itu menyebabkan air jernih mengalir dikelopak mata Omar dan secara tersekat-sekat beliau mengingatkan agar tidak terlalu memikirkan juadah pelbagai, jika tidak meredhai melihat bapamu dibakar di neraka.³⁹

Manakala dalam peristiwa yang lain ketika khalifah Omar mendapati isterinya Fāṭimah mengeluarkan kalung emas berharga untuk

³⁸ Al-Nadāwī, (1989), *Rijāl al-Fikrī wa al-Da'wah, fī al-Islām*, hh. 32-33.

³⁹ Imaduddīn Khalil (t.t), *Malāmih al-inkilāb al-Islāmiah fī Khilāfah Omar bin 'Abdul 'Aziz*, Damsyik: Cetakan Al-Risālah, h.29.

dipakai yang merupakan satu-satu hadiah pemberian ayahnya khalifah 'Abdul Malik. Di atas sifat taqwanya, perhatian tingginya tentang kepentingan awam umat dan kebimbangan mendalam tentang kemungkinan kalung itu diperolehi 'Abdul Malik secara syubhat atau zalim, khalifah mendapatkan isterinya dan menasihatkannya supaya mengembalikan kalung itu kepada perbendaharaan kerana beliau merasa tidak selesa untuk memilikinya bersamanya di dalam satu rumah. Berasaskan kenyataan itu, Fāṭimah yang tidak dapat menerima kemungkinan perpisahan dengan khalifah Omar 'Abdul 'Azīz dengan berat hati akur dengan permintaan suaminya telah mengembalikan kalung itu sebagai milik perbendaharaan. Apabila khalifah Omar 'Abdul 'Azīz meninggal dunia dan Yāzid bin 'Abdul Malik mengambil alih sebagai khalifah, beliau menyedari betapa sayang saudaranya Fāṭimah kepada kalung tersebut, oleh itu beliau mendapatkan Fāṭimah untuk menyerahkan kembali kalung itu menjadi milik Fāṭimah kerana ia adalah pemberian ayahnya 'Abdul Malik. Tetapi sebaliknya Fāṭimah yang memperolehi pendidikan daripada suaminya Omar 'Abdul 'Azīz tetap enggan mengambilnya kembali dan beliau menyatakan: *'Demi Allah aku tidak sedia menerimanya kerana adalah tidak baik/bermoral aku sebagai bekas isterinya menyerahkannya kepada perbendaharaan semasa hidupnya tetapi sebalik mengambil kembali selepas dia tiada.'*⁴⁰

Demikian kehidupan Omar yang di usia kanak-kanak dan mudanya adalah dalam suasana mewah tetapi sebaliknya telah berubah ke taraf setara kehidupan masyarakat awam biasa. Atas rasa tanggungjawab dan amanah dalam pengurusan wang negara yang merupakan hak rakyat, khalifah memadamkan lilin dari perbendaharaan negara dan menukar kepada lilin milik sendiri apabila menukar kerja kepada urusan yang bersifat peribadi sendiri. Bahkan beliau pernah mengingatkan pekerjanya agar tidak mengulangi penggunaan kertas dan pena milik pejabat ketika beliau mendapati terdapat seorang kaki tangannya

⁴⁰ Ibn 'Abdul Hakam (1967), *op.cit.*, h. 62.

mengutus surat takziah kepadanya atas kematian anaknya (khalifah) dengan kertas milik jabatan⁴¹ kerana peralatan jabatan adalah milik awam.

Terlalu amat banyak contoh untuk dipamerkan di sini bagi menggambarkan perhatian khalifah Omar 'Abdul 'Aziz dalam mengembalikan pengurusan beramanah dan penuh tanggungjawab sebagai khalifah. Apa yang penting, khalifah Omar 'Abdul 'Aziz memulakan dan membuat perubahan atas dirinya apabila beliau bertindak menjual keseluruhan pemberian-pemberian oleh khalifah sebelumnya yang ada dalam miliknya dari peralatan rumah, kenderaan, pakaian dan lain-lain. Hasilnya, beliau telah memperolehi nilai harga sebanyak 23 ribu dinar dan telah mengembalikan wang tersebut kepada perbendaharaan untuk kos perbelanjaan fi sabilillah. Beliau sendiri sebagai khalifah mengambil gaji dengan nilai hanya dua dirham untuk perbelanjaan hidupnya dan keluarganya. Selepas itu, khalifah Omar memindahkan tindakannya kepada ahli rumah dan kemudiannya kepada kalangan ahli keluarga Bani Umayyah sehinggalah kemudian meliputi kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan pihak-pihak lain yang telah diminta untuk mengembalikan sebarang terimaan-terimaan yang salah dan tidak menepati peraturaan dari khalifah-khalifah atau pemerintah sebelumnya kepada perbendaharaan. Melalui langkah yang dimulakan oleh khalifah Omar ke atas diri dan keluarganya telah menyebabkan tidak ada alasan kepada pihak-pihak lain untuk tidak mematuhi arahan tersebut. Perkembangan tersebut telah dapat mengembalikan negara bersih dari sebarang bentuk rasuah, penyelewengan dan pecah amanah. Inilah barangkali satu-satu dan sebenarnya pimpinan yang menghayati konsep dari nilai kepimpinan melalui tauladan yang sebenar, bukan semata-mata dalam bentuk retorik semata.

Betapa besar perubahan yang diambil oleh khalifah Omar 'Abdul 'Aziz selepas menjawat jawatan khalifah. Sifat taqwa dan amanahnya

⁴¹ Al-Tabari, *Tarikh*, J.6, h.571.

dalam membelanjakan wang negara telah dibuktikan oleh beberapa kenyataan orang sezaman dengannya dan dari kalangan sahabat terdekatnya. Antaranya ialah Raja' bin Haiwah yang merupakan antara tokoh ilmunan yang memainkan peranan penting hingga terlantik Omar 'Abdul 'Aziz. Menurut Raja', setelah dilantik menjadi khalifah, Omar menggunakan hanya suku dari 12 dirham sahaja bagi menyediakan pakaian-pakaian termasuk baju, kain, seluar, pakaian luar, kufiah dan serbannya.⁴² Maharaja Rom pula menyatakan bahawa *'beliau tidak merasa kagum dengan rahib (paderi) jika mereka menutup pintu, menolak dunia dan menghabiskan masa dengan ibadat tetapi saya lebih mengagumi seseorang yang dunia dan hiasannya di dalam hamparannya tetapi dia mengenyepikan dan menolaknya dan memberi perhatian kepada tanggungjawab agama, rakyat dan beribadat.'*⁴³ Warga negara Islam dari kalangan masyarakat Madinah menyatakan bahawa melihat perwatakan Omar sebelum menjadi khalifah sebagai seorang kemas, bersih, bergaya, segak dan indah tetapi selepas menjadi khalifah berperwatakan seorang abid yang zahid yang dapat dilakukan mungkin tidak dipercayai dapat dilakukan oleh orang lain selainnya.⁴⁴ Abu Sulaiman menyifatkan kedudukan Omar Ibn 'Abdul 'Aziz lebih zahid berbanding Uwais al-Kurny, kerana Omar memiliki dunia dalam kuasanya tetapi ditolaknya, sesuatu yang belum terbukti pada Uwais jika berada di kedudukan dan situasi seperti Omar Ibn 'Abdul 'Aziz.⁴⁵ Berasaskan kedudukan ini, Malik bin Dinar menyanggah sebahagian orang zamannya yang menggelarkan dirinya dengan Malik al-Zāhid dengan alasan *'apa yang ada pada kedudukannya berbanding Omar kerana dia sebenarnya yang zahid kerana dalam kedudukan memperolehi dunia dalam tangan*

⁴² Ibn al-Jauzi, Jamaluddin Ibn Faraj (1931H), *Sirah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz*, Beirut: Dār al-'Ilm lil Mālayīn, h. 146.

⁴³ *Ibid.*, h. 289.

⁴⁴ Ibn Sa'd, *Kitāb al-Ṭabaqāt al-Kubrā, Juzu' 5*, h. 244

⁴⁵ Ibn Kathir, *al-Bidāyah*, h. 208.

*dan kekuasaannya tetapi ditinggal dan diketepikannya demi taqwa dan tanggungjawab dan amanah Allah dan rakyat.'*⁴⁶

ii. Usaha Islah Pemerintahan dan Pentadbiran Negara

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa pemindahan pemerintahan dan kuasa politik Negara Islam dari Khalifah al-Rasyidin kepada Bani Umayyah berlaku berikutan penyerahan kuasa oleh Hasan bin 'Alī kepada Mu'awiyah bin Abī Sufiān pada 41H (661M) bertujuan untuk mengelak pertumpahan darah di kalangan umat Islam di samping untuk kebaikan umat Islam.⁴⁷ Tahun penyerahan kuasa ini dikenali sebagai tahun perdamaian (*'Am al-Sulhi*). Dari sudut realiti pemerintahan, pentadbiran, tindakan dan kehidupan masyarakat telah berubah dari sudut ciri dan nilai serta pendekatan, pemerintahan pentadbiran yang mengutamakan nilai dan ciri kebendaan mengatasi nilai akhlak dan agama. Perubahan-perubahan ini telah meletakkannya berkeadaan yang hampir sebaris dan selari dengan pemerintahan dan pentadbiran di kalangan lain Negara, masyarakat dan peradaban.

Perubahan-perubahan baru ini telah tidak disenangi oleh masyarakat Islam di mana sebahagian umat Islam di bawah beberapa pimpinan seperti Husain bin 'Alī, 'Abdullah al-Zubair dan lain telah bangkit membuat protes dan penentangan terbuka bagi tujuan mengembalikan semula sistem, ciri dan nilai pemerintahan dan pentadbiran kepada ciri seperti dalam era Rasulullah s.a.w. dan khalifah al-Rasyidin iaitu membangunkan kembali sistem pemerintahan Islam yang benar iaitu bukan pemerintahan atas kehendak dan perhitungan peribadi dan kekeluargaan. Namun, mereka yang berada di puncak kekuasaan

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Al-Ya'qūbī, Ahmad b. Ya'qūb b. Ja'afar b. Wahbi b. Wadhīh (1883), *Tarīkh al-Ya'qūbī*, Iraq: Cetakan Houtsma, h.256; Ibn al-Athīr, 'Izz al-Dīn 'Alī b. Muḥammad (1967), *Al-Kāmil Fī al-Tarīkh*, J.5, Beirut: Dār Beirut, h. 205.

waktu itu telah menggunakan segala kekuatan yang dimiliki bagi mengekalkan kedudukan dan kekuasaannya. Suatu keadaan di mana usaha mengembalikan sistem Islam kepada kedudukan memerlukan kepimpinan yang luar biasa. Dalam kemelut itu serta atas qada' qadar Allah telah menjadikan pimpinan yang bangkit membuat perubahan kepada nilai Islam dilahir dan dibangkitkan dari dalam keluarga yang beertanggungjawab menjauhkan sistem dan nilai Islam dalam amalan pemerintahan dan kehidupan masyarakat. Tokoh pimpinan itu tidak lain ialah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz.

Sebagai langkah terawal bagi memenuhi usaha mengembalikan ciri pemerintahan Islam seperti di zaman Khalifah al-Rasyidun, khalifah Omar 'Abdul 'Aziz telah menunaikan tanggungjawab dan mencurahkan usaha yang banyak dan meluas bagi memastikan perjalanan pemerintahan dan pentadbiran bergerak selari dengan tuntutan agama Islam. Tindakan tegas dan berani yang ditunjukkan beliau adalah bagi tujuan membendung penyelewengan yang mula kelihatan itu supaya tidak menjadi wabak yang akan meruntuhkan keagungan pemerintahan Islam ke arah agar ia terus menjadi contoh kemurnian agama Islam. Ia juga bertujuan agar pemerintahan Islam membangunkan kembali prinsip syura. Beliau memulakan tindakan pembaikan ini semenjak hari peristiharannya sebagai khalifah atas ketentuan khalifah sebelumnya iaitu Sulaiman yang diwasiatkan melalui penasihat kanannya Raja. Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz sedar bahawa proses pemilihan Khalifah di kalangan Bani Umayyah termasuk kepada pemilihannya sendiri adalah dilakukan tidak berasaskan syura dari kalangan umat Islam tetapi sebaliknya ia berlaku berasas ketentuannya hanya dalam lingkungan keluarga pemerintah Umawiah sahaja walaupun terdapat individu umat Islam dari keluarga lain yang lebih berkelayakan. Dalam pemilihannya pula, walaupun beliau bukan dari zuriat Khalifah Sulaiman, namun pemilihan dan peristiharan dirinya berlaku hasil syura dan perbincangan seorang wazir kepada Khalifah Sulaiman walaupun diketahui umum tentang sifat solehnya, tetapi masih di luar syura ahli ilmu dan wakil-wakil kaum di kalangan masyarakat umat Islam, bahkan

tanpa pengetahuan beliau sendiri. Keadaan ini tidak menepati sistem syura Islam. Oleh kerana itu, apabila wasiat Khalifah Sulaiman dimasyhurkan oleh Raja dalam satu perhimpunan umum yang diadakan di Masjid di Syam untuk tujuan memperolehi bai'ah umum masyarakat Islam, maka ia berlaku di luar kerelaan Khalifah Omar. Oleh yang sedemikian, beliau dengan pantas mengisytihar penarikan diri dan menyerahkan kembali untuk disyurkan di kalangan umat Islam. Dalam ucapan ringkas peristiharan penarikan diri dan perletakan jawatannya, beliau mempertegaskan dengan suatu ungkapan yang mashyur:

*'Wahai manusia, untuk tanggungjawab Khalifah ini adalah tanpa pengetahuanku, tanpa permintaanku dan tidak juga melalui syura di kalangan pimpinan umat Islam, oleh kerana itu mulai waktu ini aku menarik diri dari perlantikan, tanggungjawab ini dan bai'ah yang diberi dan mulai saat ini pilihlah untuk menjadi pemimpin kamu dan menjalankan tanggungjawab untuk kamu sesiapa yang engkau kehendaki.'*⁴⁸

Sebaik sahaja selesai perisytiharan itu, di kalangan majoriti umat Islam segera bangkitkan teriakan yang mengkehendaki beliau memegang jawatan tersebut. Ini kerana beliau dianggap satu-satunya individu Islam yang paling berkelayakan untuk jawatan itu pada waktu itu, walaupun sebelumnya di kalangan umat Islam bangkit menentang dan memberontak menentang Khalifah Bani Umayyah. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa penentangan beberapa kelompok umat Islam sebelum ini adalah didorong oleh kesedaran mereka tentang tanggungjawab amal ma'ruf dan nahi Munkar.

Di atas permintaan majoriti umat Islam dan Bai'ah terbuka mereka melalui pernyataan: *'sesungguhnya kami seluruh memilih engkau*

⁴⁸ Ibn Kathir, *al-Bidāyah*, h. 198; al-Maudūdī (1967), *M'jaz Tarīkh Tajdīd al-Dīn wa Ihyāihi*, Lubnan: Dār Fikrī al-Hadith, h.3.

*memimpin kami, bertanggungjawab untuk menjalankan urusan Negara yang bererti urusan kami dan sesungguhnya kami redha berada di bawah kepimpinan engkau.*⁴⁹ Pernyataan seluruh rakyat ini telah mengejutkan Khalifah Omar bin 'Abdul 'Aziz menyebabkan tiada pilihan lain bagi beliau kecuali menerima pemilihan itu.

Setelah mengambil alih pemerintahan memimpin Negara Islam sebagai khalifah, beliau memperlihatkan bahkan membuktikan azamnya untuk membetulkan perjalanan pemerintahan kepada pendekatan yang selari dengan tuntutan Islam berasaskan kesedaran bahawa pemerintahan Islam itu mestilah berpaksikan tanggungjawab menjaga agama dan melakukan pengurusan pembangunan bumi. Negara hendaklah berasaskan tuntutan sistem dan nilai agama.⁵⁰ Antara langkah terawal yang dilakukannya ialah berusaha dan memulakan persediaan ke arah menamatkan sistem khalifah yang bersifat warisan dari satu keluarga iaitu keluarga Bani Umayyah dan kembali kepada sistem syura Islam. Riwayat sejarah menjelaskan bahawa beliau telah mula membuat persediaan untuk memasyhurkan atau mengisytiharkan sistem itu, tetapi kalangan Bani Umayyah tidak dapat menerima dan meredhai sistem Khalifah kembali kepada prinsip syura sepenuhnya. Dalam kegawatan itu, beliau telah meninggal dunia dan kematiannya dalam tempoh yang pendek itu dikatakan ada pertalian dengan keracunan yang sengaja disediakan bagi tujuan menggagalkan usaha Islahnya itu.⁵¹

Manakala usaha-usaha ke arah menjadikan perjalanan pemerintahan dan pentadbiran bergerak berasaskan prinsip syura, ianya memang telah sedia diamalkan oleh Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz semenjak beliau menjawat jawatan gabenor di Madinah lagi. Langkah ini diteruskan dan diperluaskan oleh beliau di peringkat negara seluruhnya. Beliau telah diketahui umum masyhur dengan langkah dan tindakan

⁴⁹ Al-Sayūti, *Tarikh al-Khulafā'*, h.153.

⁵⁰ Ibn Khaldūn (1990), *Al-Mukaddimah*, h.398.

⁵¹ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wal al-nihāyah*, h. 187; al-Maudūdī, *Mūjaz Tarikh*, h.269.

tidak mendahulukan keputusan peribadi tetapi mengangkat persoalan dan permasalahan untuk perbincangan anggota mesyuarat atau majlis syuranya bagi menghalusi sesuatu tindakan dan pendekatan yang diambil dalam menangani sebarang permasalahan pentadbiran pembangunan negara dan kemasyarakatan dalam negara. Bagi maksud itu, beliau membentuk majlis syura bagi tujuan menasihatnya dalam urusan pemerintahan, pentadbiran dan pembangunan. Anggota majlis syuranya itu terdiri dari para Fuqaha', ahli ilmu dan pemimpin masyarakat. Selari dengan maksud bagi memastikan pembangunan yang seimbang, Khalifah lebih dan mengutamakan hubungan dengan majlis mesyuaratnya iaitu para fuqaha' dan ulama', serentak dengan itu mengurangkan hubungannya dengan kalangan penyair, pemuisi dan para penyanyi yang lebih berbudaya melalaikan dari seruan dan budaya amanah dan pertanggungjawaban yang harus menjadi paksi utama kakitangan, pemerintah, pentadbir dan ahli masyarakat.⁵²

Semenjak dari awal pemerintahan Khalifah Bani Umayyah, telah memperkembangkan rasa tidak puas hati dan penentangan beberapa golongan terhadap corak dan pendekatan pemerintahan. Antara golongan yang paling lantang dan berpengaruh dalam penentangan ini terdiri dari golongan Alawiyin dan Khawarij. Dalam menangani penentangan-penentangan ini, tindakan kekerasan, undang-undang dan ketenteraan lebih mendominasi dan menjadi pilihan kebanyakan khalifah-khalifah Umawiah sebelum dan selepasnya. Berbeza dengan lain-lain khalifah Bani Umawiah, Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz lebih senang menggunakan pendekatan keterbukaan dan berlapang dada berbincang dengan bebas dengan memberikan mereka kebebasan menyuarakan pendapat dan mengemukakan kritikan membina. Dalam menggambarkan sikap berlapang dada khalifah hingga ke peringkat beliau secara peribadi menjemput pimpinan gerakan penentangan mewakili golongan khawarij dan 'Alawiyah ke istananya dan berbincang dalam segala persoalan dengan mereka secara ikhlas dan jujur. Seperti

⁵² *Ibid.*

yang diketahui umum antara isu pokok yang mempengaruhi penentangan golongan-golongan ini ialah isu sistem pewarisan khalifah dalam satu keluarga sebagai tidak selari dengan sistem politik yang diperkenal dan diaplikasikan sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga ke akhir tempoh pemerintahan Khalifah al-Rasyidin yang seharusnya diperbetulkan kembali. Dalam menghadapi kritikan dan permintaan ini, beliau memperakui kebenaran pandangan tersebut dan melahirkan tekad dan azamnya untuk memperbetulkannya.⁵³ Pendekatan Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz dalam berbincang dan bemuzakarah dengan pergerakan penentangan di satu pihak dan membuktikan melalui amalan dalam pentadbiran pembangunan dan kebajikan masyarakat telah banyak memberi kesan yang positif ke arah kesediaan mereka meletakkan senjata. Dalam hubungan ini, al-Mas'udi melaporkan bahawa Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz meluluskan peruntukan sekitar 10,000 dinar untuk diagihkan sebagai kebajikan masyarakat kepada keluarga 'Alawiyin melalui Fāṭimah. Bagi tujuan melaksanakan tanggungjawab itu, beliau mengarahkan kalangan gabenornya di seluruh Negara mengenal pasti kalangan mereka yang berhak dari peruntukan itu di daerah masing-masing. Apabila sebahagian kalangan pihak berkuasa di daerah melahirkan alasan bahawa tugas tersebut sukar disempurnakan kerana dalam tempoh pemerintahan yang lalu dengan dasar kekerasan telah mengakibatkan kalangan 'Alawiyin telah menyembunyi dan mengasingkan diri ke kawasan perkampungan terpencil di pelbagai kabilah pedalaman dan terasing dari kabilah Quraisy dan lain kabilah utama Arab demi mengelak dari buruan tentera pihak berkuasa Bani Umayyah. Namun Omar tetap bertegas menuntut dan memastikan hak yang sepatut diperolehi golongan 'Alawiyin dari silsilah Fāṭimah bt. Rasulullah sampai dan dinikmati mereka.⁵⁴ Melalui langkah ini, golongan Alawiyin memperlihatkan sikap positif terhadap khalifah Bani Umayyah semasa pimpinan khalifah Omar 'Abdul 'Aziz. Hakikat ini terbukti melalui ungkapan yang dinyatakan oleh Fatimah bt. Husain

⁵³ Al-Ya'qubi, *Tarikh*, hh. 305-306.

⁵⁴ Al-Mas'udi, *Muruj al-Dhahab*, h.196.

bin Ali: *'Jika berkekalan untuk kita pemerintahan seperti Omar tidak perlu bagi kita menggantinya dengan individu yang lain.'*⁵⁵

Demikian juga sikap dan tindakan Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz terhadap penentangan golongan Khawarij. Bagi khalifah Omar 'Abdul 'Aziz, perselisihan antara Bani Umawiyah bukanlah penentangan dan perselisihan antara Dār al-Islām dan Dar al-Harb, kedua-duanya adalah dari kalangan umat Islam yang sifatnya bersaudara dan diharamkan ke atas umat Islam menumpah darah satu sama lain. Berasaskan perspektif ini, Khalifah Omar 'Abdul 'Aziz mengelakkan seberapa mungkin menghadapinya melalui tindakan ketenteraan dan kekerasan. Sebaliknya khalifah menuntut pimpinan tentera dan pemerintah daerah mendahulukan pendekatan berbincang dan bermuzakarah ke arah mencari asas penyelesaian yang baik. Selalunya khalifah melalui kalangan ahli ilmu telah dapat memperlihatkan asas yang terbaik menangani konflik yang berlaku melaluinya. Beliau telah berjaya memperkecilkan penentangan dan pemberontakan golongan khawarij. Jika usia pemerintahannya dapat mengambil masa lebih lama dari 3 tahun atau khalifah Bani Umayyah yang mengambil alih pemerintahan selepas kematiannya dapat meneruskan dasar seperti ini, tidak mustahil penentangan dan pemberontakan khawarij 'Alawiyin dan lain dapat ditamatkan sama sekali.

Kedua, khalifah menentukan pemerintahan dan pentadbiran yang beramanah dengan mengambil langkah memastikan penjawat jawatan pentadbiran dari kalangan individu yang dikenali benar-benar beramanah, berkeahlian dan berkeelayakan dari sudut ilmu, kemahiran dan berakhlak mulia khususnya bagi mengisi jawatan-jawatan tertinggi dan utama pemerintahan dan pentadbiran. Serentak dengan usaha penstrukturan semula pentadbiran, khalifah tidak teragak-agak mengambil langkah membersihkan dan melucutkan individu tertentu yang tidak berkeahlian dari sudut ilmu dan akhlak dari jawatan yang disandangnya. Bahkan bukan sekadar itu, tetapi khalifah juga bertindak

⁵⁵ Ibn Athir, *Al-Kāmil fī al-Tarīkh*, h. 65.

memasyhur dan memberi taklimat kepada gabenor dan pegawai tadbir di daerah-daerah di seluruh negara bagi memastikan pegawai tadbir di peringkat wilayah dan daerah juga diganti dengan individu lebih berkeupayaan ilmu dan kemuliaan akhlak. Sehubungan dengan itu, Ibn Kathir melaporkan antara peringatan berikut:

'Jangan sama sekali melantik petugas untuk melaksanakan tanggungjawab bagi urusan umat Islam dan rakyat di semua peringkat kecuali mereka yang benar-benar dapat memenuhi peranan mengemuka nasihat yang baik, menjalankan tanggungjawab dengan penuh beramanah terhadap rakyat di daerah tadbiran disamping perihatin memenuhi kebajikan dan hak-hak mereka'.⁵⁶

Dalam peringatan lain pula khalifah mengingatkan mereka agar tidak seseorang ditugaskan ke sesuatu tanggungjawab di wilayah dan daerah kecuali ahli al-Quran dari kalangan masyarakat setempat. Jika tidak terdapat individu terbaik dengan kriteria itu di kalangan masyarakat setempat, individu terbaik dari lain-lain daerah adalah lebih utama diberi tanggungjawab.⁵⁷ Pernyataan-pernyataan dari khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz ini adalah bagi memastikan pemerintahan dan pentadbiran berjalan menepati perspektif tuntutan syariah dan berjalan secara beramanah. Sehubungan ini ahli sejarah hampir sependapat bahawa majoriti pegawai pemerintah dan pentadbir negara zaman khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz terdiri daripada mereka yang diistilahkan paling tinggi kualiti *'thiqahnya'*.⁵⁸ Laporan ini membuktikan kesaksian tentang perhatian berat dan utama khalifah dalam memastikan pemerintahan dan pentadbiran yang cekap dan beramanah dengan memastikan penjawat jawatan pentadbiran negara terdiri daripada individu yang

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*, h. 207. *Thiqah* merupakan kedudukan paling tinggi yang selalu digunakan oleh ulama' (pengumpul) hadis dalam penerimaan satu-satu hadis yang diriwayatnya.

tinggi kualiti amanahnya dalam memenuhi kewajipan dan tanggungjawab.

Di sudut lain, khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz tidak ketinggalan memastikan pengurusan kewangan Negara samada dari sudut pendapatan atau perbelanjaan dikendalikan secara beramanah dan cekap dan menepati tuntutan syariah. Bahkan khalifah secara peribadi dan dalam kehidupan keluarga telah mempamerkan contoh tauladan yang terbaik dari sudut iltizam dengan kesederhanaan hidup dan sikap zahid yang membezakannya dari khalifah Umayyah lain yang lebih menonjol dan mempamer corak hidup bermewah-mewah. Corak dan penghayatan kehidupan yang sederhana ini juga ditunjukkan oleh beliau dalam konteks kehidupan individu dan keluarga. Kejayaan khalifah memastikan keluarganyan ikut serta beriltizam dengan budaya kesederhanaan benar-benar dikagumi oleh pengamat sejarah. Khalifah juga turut memulakan langkah agar pendekatan baru itu diamalkan di kalangan keluarga Bani Umayyah yang memiliki atau diberi pemilikan harta kerajaan secara tidak tepat agar dengan sukarela mengembalikannya semula kepada perbendaharaan negara.⁵⁹ Bahkan beliau memperlihatkan sikap yang keras bagi memastikan perintah kepada kalangan keluarga Bani Umayyah mengembalikan wang *al-Mazālim* kepada perbendaharaan dipatuhi sehingga beliau sedia menjatuhkan hukuman penjara kepada mana-mana individu yang enggan mematuhi.⁶⁰ Pada pendapat beliau, sebarang pemberian walaupun atas istilah hadiah tetapi disediakan kepada penjawat awam atau keluarga Bani Umayyah adalah rasuah yang diharamkan oleh agama.⁶¹

Demikian paksi pentadbiran kewangan negara dipastikan berasaskan prinsip amanah, oleh itu khalifah Omar menolak penggunaan sistem percukaian yang menyalahi prinsip syariah. Sehubungan dengan

⁵⁹ Ibn Kathir, *al-Bidāyah*, h.188.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ *Ibid.*

persoalan ini, pernah berlaku di zaman pemerintahan Bani Umayyah sebelumnya, bagi sesetengah wilayah yang bertindak mengekal kewajipan membayar cukai jizyah kepada penganut lain-lain agama selain Islam walaupun setelah mereka memeluk Islam beralasan dakwaan konon mereka memeluk Islam tidak dengan keikhlasan hati tetapi semata-mata untuk mengelak dari cukai jizyah. Pelaksanaan dasar amalan cukai yang menyalahi syariah ini telah mengakibatkan terbantutnya penyebaran dan perkembangan Islam. Sebagai tindakan dan amaran kepada pegawai daerah seperti ini, beliau bertindak melucutkan jawatan mereka dan mempertegaskan perintahnya dengan ungkapan bahawa: *'Sesungguhnya Nabi Muhammad diutus sebagai Rasul untuk berdakwah bukan diutuskan untuk menagih harta rakyat secara salah.'*⁶²

Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz juga ikut menentukan penggunaan wang negara secara beramanah, adil dan saksama dalam perbelanjaan wang negara samada belanja pengurusan, pembangunan dan kebajikan. Bagi menentukan pegawai bekerja secara beramanah dan bertanggungjawab serta mengelak diri dari penyalahgunaan wang negara, beliau bertindak menaikkan tangga gaji bulanan seimbang peningkatan perbelanjaan hidup bagi sesetengah jawatan hingga ke 100 % iaitu daripada 100 dinar kepada 200 dinar sebulan, satu tangga gaji yang tinggi berasaskan zaman tersebut. Bagi beliau, pendekatan itu boleh mempertingkatkan produktiviti para pekerja dalam memenuhi tanggungjawab pembangunan dan kebajikan rakyat dan umat Islam seluruhnya.⁶³ Tidak ketinggalan juga, beliau memberi perhatian besar soal pendidikan baik untuk generasi muda mahupun masyarakat awam. Untuk maksud itu beliau meluluskan pembayaran gaji/elaun khas kepada para ilmuan yang melibatkan diri dalam pengajaran pelbagai disiplin ilmu termasuk para ilmuan yang terlibat dalam pengajaran al-Quran.⁶⁴

⁶² Abū Yūsuf (1364 H), *Kitāb al-Kharāj*, Cairo: al-Salafiah, h. 46.

⁶³ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah*, h. 203.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 207.

Bagi beliau, peningkatan ilmu, kemahiran dan akhlak masyarakat pemangkin utama pembangunan negara.

Aspek ketiga yang diberi penekanan dalam islah pemerintahan dan pentadbiran negara yang diusahakan khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz ialah mengawasi dan menentukan pemerintahan berjalan atas prinsip keadilan. Beliau tidak membiarkan pentadbiran dan pemerintahan negara menjadi pemerintahan yang keras dengan mengeksploitasikan tentera dalam mengawasi pergerakan rakyat. Di samping itu, beliau tidak membiarkan anggota dan pasukan keselamatan menjadi anggota yang bertindak zalim di luar batas kuasa yang dibenarkan oleh undang-undang atau menjadi anggota yang hanya bergerak dalam mengawasi pergerakan rakyat, tetapi memastikan petugas keselamatan menjalankan tanggungjawab berasas peraturan dan undang-undang. Tindakan terhadap pesalah juga menepati kriteria undang-undang. Sebagai membuktikan perhatian khalifah dalam perkara ini, Imam al-Sayuti melaporkan kenyataan yang diberikan Yahya al-Ghassani dan al-Jarrah bin 'Abdullah, dua orang gabenor yang ditugaskan di wilayah Al-Mausal dan Kharasan. Kedua-dua pegawai tinggi ini telah melaporkan bahawa setibanya mereka di wilayah/daerah tadbirannya, mereka mendapati kedua-dua tempat tersebut dipenuhi dengan pelbagai kegiatan jenayah yang tidak terkawal seperti mencuri, merompak, bunuh dan lain-lain. Peningkatan kegiatan menyalahi undang-undang negara ini menyebabkan kedua-duanya membuat laporan kepada khalifah tentang suasana buruk dan gawat itu. Di akhir laporan itu keduanya menyarankan agar mereka dibenarkan mengambil tindakan mengembalikan keamanan dan keselamatan berasaskan prinsip kuat sangkaan sahaja bukan berasaskan pengadilan mahkamah dan undang-undang negara. Setelah memperolehi laporan itu dan memahami situasi meruncing itu, khalifah Omar dalam jawapan balas menuntut supaya kedua-dua pegawai tinggi kerajaan itu bersikap berlapang dada dan terus kekal beriltizam dengan prinsip pengadilan, undang-undang dan kebenaran seperti termaktub berasaskan perlembagaan negara. Akur dengan arahan khalifah, kedua-duanya meneruskan pentadbiran

berasaskan prinsip kebenaran dan undang-undang. Natijahnya jelas bahawa dalam tempoh pentadbiran beliau, indeks perlakuan jenayah berjaya dikurangkan di kedua-dua daerah tersebut hingga menjadi daerah yang terbaik dan paling aman berbeza dengan keadaan sebelumnya.⁶⁵

Prinsip keempat yang diberi perhatian khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz dalam usaha tajdid dan islahnya ialah berusaha mengislah akhlak dan keperibadian rakyat melalui pendekatan amar ma'ruf dan nahi munkar. Hakikat yang harus disedari bahawa amar ma'ruf dan nahi munkar adalah prinsip utama yang sewajarnya menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam semenjak dari peringkat organisasi pemerintahan dalam keluarga dan kalangan umat Islam umumnya. Peradaban yang baik tidak akan terserlah dalam kehidupan masyarakat tanpa pengembelian tenaga semua peringkat dalam negara. Islam menuntut umat bekerja ke arah pembudayaan kebaikan bukan bersikap 'Imma'ah,' iaitu sekadar bersedia berbudaya baik dalam realiti baik dan bersedia untuk berbudaya buruk dalam realiti yang buruk.

Dalam mengusahakan pembaikan keperibadian dan menghindarkan masyarakat dari berbudaya buruk segala ruang digunakan untuk mencapai hasrat itu termasuk pendidikan, penerangan, penguatkuasaan dan undang-undang dan pengadilan. Bagi maksud menjayakan usaha ini, khalifah menyedari suatu hakikat yang nyata diakui oleh Islam bahawa perlu ada kerjasama yang mantap di antara kepimpinan politik dan pegawai tinggi kerajaan dengan kalangan pimpinan agama dan ahli ilmu dari kalangan tokoh ulama' dan pemikir umah. Ini kerana Islam meletakkan pemerintahan dalam kerangka yang sepadu tanpa pemisahan antara urusan agama dan pemerintahan di mana agama seharusnya menjadi paksi pemerintahan negara dan pemerintahan di samping untuk pembangunan dan pengurusan bumi serta bertujuan untuk tujuan menjaga agama. Berasaskan prinsip inilah Rasulullah s.a.w.

⁶⁵ Al-Sayūti, *Tarīkh al- Khulafā'*, h.238; Dr. Bastami Mohd Said, *Maḥmūd Tajdīd al-Dīn*, h. 54.

mengingatkan tentang keperluan ada kerjasama yang erat antara kepimpinan politik dan agama kerana ia paksi pemerintahan untuk kesejahteraan umat atau rakyat yang sebenar. Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan: *'dua individu manusia, jika kedua-duanya baik akan baik seluruh manusia dan jika rosak keduanya akan rosaklah seluruh manusia, mereka itu adalah Ulama' dan pemerintah.'*⁶⁶

Zaman pemerintahan khalifah Bani Umayyah adalah peringkat zaman yang terawal memperlihatkan pemisahan antara kepimpinan politik dan kepimpinan agama. Ini telah memberi kesan buruk kepada peralihan kuasa kepada sistem pemerintahan beraja yang bersifat warisan dalam satu keluarga.⁶⁷ Sehubungan dengan ini, khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz telah bekerja untuk membina hubungan yang lebih akrab antara pentadbir negara dengan barisan ahli ilmu dari kalangan ulama' dan para fuqaha' sebagai jambatan dan asas ke arah memenuhi tanggungjawab amar ma'ruf dan nahi munkar. Memenuhi pendekatan ini adalah tidak sukar bagi khalifah kerana kedudukan beliau antara barisan ulama' dengan sebahagian dari kalangan ahli ilmu zamannya adalah terdiri daripada murid-murid dan kawan-kawan seperguruannya.⁶⁸ Melalui hubungan akrab ini, beliau berupaya memanfaatkan khidmat mereka dalam peranan menegak ma'ruf dan mencegah munkar dengan mempertanggungjawabkan kalangan ini dengan peranan dalam aspek ini melalui peranan mereka dalam bidang pendidikan, aspek penerangan dan nasihat-menasihati. Di samping itu, khalifah juga mempertanggungjawab kalangan ulama' dengan peranan dalam lapangan pengadilan, penguatkuasaan, dan lain-lain. Kesan daripada keadaan ini telah berjaya memberi kesan bermanfaat kepada negara dan masyarakat seluruhnya seperti laporan yang dikemukakan al-Ṭabari mengenai realiti zaman pemerintahan Omar Ibn 'Abdul 'Aziz

⁶⁶ Ibn 'Abdul al-Bar al-Namiri, Abū Omar Yūsoff (t.t), *Jāmi' Bayān al-Ilmi wa Fadhlulu*, h. 147.

⁶⁷ Al-Ṭabari, *Tarikh*, hh. 555-556.

⁶⁸ Ibn Kathir, *al-Bidāya*, h. 193.

dan lain-lain pemerintah Bani Umayyah di mana beliau menyatakan:

*'Khalifah Khalid lebih cenderung kepada pembinaan, perkilangan dan berkaitan menyebabkan rakyat apabila berbicara antara mereka semua menyentuh soal rumah dan perkilangan tetapi apabila pemerintah telah bertukar diambil alih oleh Khalifah Sulaiman. Beliau lebih cenderung kepada perkahwinan dan pemakanan maka perbualan rakyat tertumpu kepada soal kahwin, wanita dan berkaitan kewanitaan dan perkahwinan hingga pemerintahan berpindah kepada Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz sebagai seorang ahli agama menyebabkan realiti perbincangan siang dan malam di kalangan individu rakyat kemudian bertukar kepada pembacaan al-Quran, puasa dan lain-lain aktiviti ibadat yang dituntut agama.'*⁶⁹

iii. Pengembangan Ilmu Islam dan Mengumpulkan Hadith Rasulullah s.a.w.

Islam adalah agama yang mengutamakan ilmu pengetahuan kerana ia adalah asas utama sabagai pra-syarat bagi manusia memenuhi peranan khalifah di bumi. Dalam hubungan ini, hadith merupakan sumber kedua ilmu pengetahuan, pemikiran dan hukum Islam selepas al-Quran. Berasaskan kesedaran ini, khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz dalam islah dan tajdidnya turut memberi perhatian kepada usaha-usaha pengembangan ilmu pengetahuan dan pengumpulan hadith Rasulullah. Sekiranya khalifah kedua iaitu Omar al-Khattab memainkan peranan ke arah usaha pengumpulan al-Quran melalui saranannya kepada khalifah Abū Bakar al-Ṣidik setelah mendapati banyak dari kalangan sahabat Rasulullah yang menjadi penghafal al-Quran dan penulis wahyu syahid dalam beberapa siri peperangan yang berlaku waktu itu, maka

⁶⁹ Al-Tabari, *Tarikh*, h. 497.

khalifah Omar 'Abdul 'Aziz pula telah berusaha ke arah pengumpulan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. kerana bimbang tentang kemungkinan kehilangannya. Langkah yang dilakukan oleh khalifah Omar 'Abdul 'Aziz adalah melalui perintah yang dikeluarkan kepada gabenornya, Abu bakar Ibn Mohammad Ibn Hazmi supaya bertindak segera mengumpul hadith Rasulullah khususnya dari Amrah bt. 'Abdul Raḥmān al-Anṣāriah⁷⁰ dan Kassim b. Muḥammad b. Abū Bakar,⁷¹ dua periwayat hadith utama di kota Madinah.⁷² Khalifah juga tidak ketinggalan mengarahkan gabenor-gabenornya di seluruh negara mengenalpasti periwayat-periwayat hadith di daerah masing dan mengumpulkannya. Dalam suratnya, khalifah Omar 'Abdul 'Aziz mengingatkan mereka supaya mengambil inisiatif penting dalam mengumpul dan mendokumentasikan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. kerana kehilangannya akan mengakibatkan kesukaran kepada pembelajaran dan pendidikan.⁷³

Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz tidaklah sekadar memberi peringatan dan arahan kepada kalangan ilmuan Islam mengumpul hadith, membuat pengajaran dan melakukan usaha ke arah pendisiplinan ilmu, tetapi khalifah juga telah mengeluarkan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi tujuan memenuhi keperluan penyebaran ilmu pengetahuan. Bagi maksud ini, beliau memperkenalkan peruntukan gaji dan elaun kepada kalangan ilmuan Islam disebabkan sumbangan dalam tanggungjawab penyebaran ilmu samada pengajaran dan lain-lain. Dirwayatkan bahawa, khalifah menghantar Yāzid bin Abī Malik dan

⁷⁰ Amrah bt. 'Abdul Raḥmān merupakan antara periwayat hadith terbanyak dari Aisyah ummu al-mukminin. Lihat 'Abdul Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydāni (1988), *Al-Ḥadhārah al-Islāmiyah*, Damsyik: Dar al-Kalam, h.463.

⁷¹ Al-Kassim b. Muḥammad b. Abū Bakar adalah periwayat hadith terbanyak dari ibu saudaranya 'Āisyah. Al-Kassim dan Amrah adalah ilmuan Islam tersohor di dalam bidang hadith di Madinah waktu itu.

⁷² Abū Hassan 'Alī al-Nadāwī, (1989), *Rijāl al-Fikrī wa al-Da'wah fi al-Islām*, h.43.

⁷³ Al-Maydāni, *op.cit.*, h.463.

al-Harīth bin Muhammad ke beberapa daerah dengan maksud menyampaikan kuliah dan pengajaran kepada masyarakat dan mengeluarkan peruntukan gaji dan elaun pengajarannya. Yāzid telah mengambil bayaran tersebut tetapi al-Harīth mengambil sikap menolak menerimanya atas alasan beliau tidak menghendaki upah terhadap pengetahuan pengajarannya kerana Allah.⁷⁴ Setelah menerima laporan dari pegawai beliau tentang khidmat yang ditunaikan oleh kedua-dua, dia bersyukur kepada Allah.

iv. Perhatian dan Usaha Dakwah Omar Ibn ‘Abdul ‘Azīz

Khalifah Omar Ibn ‘Abdul ‘Azīz juga memberi perhatian yang banyak bagi tujuan memperkembang dakwah Islamiah di seluruh Negara. Khalifah mengutus surat kepada raja-raja India menyeru mereka memeluk Islam dan mereka akan dikekalkan dengan kuasa yang sedia mereka miliki.⁷⁵ Demikian khalifah menulis surat menyeru pemeluk Islam kalangan raja dan masyarakat awam yang mendiami Asia Tengah. Selain itu, khalifah Omar menghantar kepada kalangan mereka ilmuan Islam bagi tujuan dakwah menyebabkan sebahagian mereka telah bersedia memeluk Islam dan menukar nama mereka kepada nama Arab.⁷⁶ Khalifah kemudiannya meluluskan kepada mereka beberapa projek kebajikan seperti mendirikan *khannat* untuk para musafir. Bahkan laporan dari al-Balādhurī menyebut khalifah pernah menulis surat kepada maharaja Rom menyerunya memeluk Islam.⁷⁷

Bukan sekadar yang tersebut, bahkan khalifah memilih para petugas

⁷⁴ *Ibid.*, h.463.

⁷⁵ Al-Balādhurī, Aḥmad b. Yaḥya, *Futūh al-Buldān*, h. 540; Ibn al-Athīr, *al- Kāmil*, h.54.

⁷⁶ *Ibid.*

⁷⁷ Imaduddīn Khalīl, *op.cit.*, h. 75.

di daerah kalangan yang ikut beriltizam dengan program dan aktiviti dakwah. Sebagai contoh, khalifah melantik Ismail bin Abdullah bin Abi al Mahajir menjadi gabenor wilayah Maghribi di utara Afrika. Ismail telah memainkan peranan berkesan dalam penyebaran Islam di kalangan masyarakat Barbar sehingga majoriti masyarakat Barbar telah memeluk agama Islam.⁷⁸ Di samping itu, khalifah juga memastikan pegawai tadbirnya mengutamakan tuntutan syariah mengatasi keperluan kewangan di mana khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz mengingatkan gabenornya di wilayah Yaman iaitu 'Urwah bin Muhammad agar mengelak mengenakan cukai jizyah kepada masyarakat tempatan yang telah memilih untuk menganut Islam, walaupun ini akan menyebabkan perolehan cukai hasil jizyah berkurangan. Pemerintahan Islam tidak harus mengutamakan sumber cukai dari masyarakat hingga mengetepikan tuntutan syariah.⁷⁹

Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz juga sering mengingatkan pegawai dan gabenornya di seluruh negara dengan tanggungjawab dakwah dan bukan penekanan dan kezaliman bersesuaian dengan Islam sebagai agama hidayah dan peringatan, bukan penekanan dan kezaliman. Dalam satu surat arahannya, khalifah menyatakan: *'Bahawa sesungguhnya Muhammad s.a.w. diutuskan Allah sebagai rasul untuk manusia sejagat'* seperti firman Allah dalam surah Saba' (34), ayat 28 bermaksud: *'Dan kami tidak mengutuskan kamu melainkan kepada ummat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan.'* Firman Allah lagi dalam surah al-A'raf (7), ayat 158 bermaksud *'Katakanlah hai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua.'* Berasaskan ayat-ayat tersebut, mengambil tanggungjawab menyeru manusia kepada Islam dan kebaikan adalah sesuai dengan maksud firman Allah dalam surah al-Fussilat (41), ayat 33 yang

⁷⁸ Al-Balādhurī, *op.cit.*, h. 273; Sir Thomas Arnold (1978), *al-Dakwah ila al-Islam*, terj. Ibrahim Hasan, Cairo: al-Nahdah al-Islamiah, h. 251.

⁷⁹ Ibn 'Abdul Hākam, *op.cit.*, h. 123.

bermaksud: 'siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal saleh dan berkata sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri.'⁸⁰ Melalui arahan seperti ini, seluruh gabenor khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz mengambil peranan penyebaran Islam. Gabenornya di Khurasan iaitu al-Jarrah berjaya mengislamkan sekitar 4000 masyarakat Khurasan.⁸¹ Berikutan ini beberapa masyarakat daerah menuntut dari khalifah supaya menghantar untuk mereka guru bagi mengajar dan mendidik untuk memahami Islam dengan lebih baik dan selalunya khalifah akan memenuhi tuntutan seperti itu.⁸²

Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz juga telah mengembalikan semula kesepaduan hubungan antara pemerintah dan pentadbiran dengan tanggungjawab pendidikan antara ahli politik dan pendakwah. Melalui langkah ini, beliau mengembalikan khalifah dengan gabungan peranan pembangunan negara dan penjagaan agama. Beliau tidak menjadi taklid kepada pendekatan khalifah Bani Umayyah lain yang mementingkan urusan pemerintahan, pentadbiran dan ketenteraan dengan membelakangkan tanggungjawab dakwah. Risalah dan surat-surat beliau sebagai khalifah mengutamakan kedua-dua pentadbiran dan dakwah di samping khalifah mengambil tanggungjawab menghantar para pendakwah khusus bagi memenuhi tanggungjawab menegakkan amar ma'ruf dan nahi munkar. Laporan sejarah menjelaskan khalifah pernah mengutuskan surat kepada pegawai-pegawai di seluruh wilayah pemerintahan Islam dan pimpinan tentera semua bahagian negara mengingatkan mereka tentang tanggungjawab pemerintahan dan pentadbiran secara adil, beramanah dan termasuk juga kewajipan menunaikan sembahyang dan memberi perhatian terhadap memperkaya diri dan masyarakat dengan pengetahuan.⁸³ Manakala surat beliau yang

⁸⁰ Ibn Sa'd, *Kitāb Tabaqāt al-Kubrā*, h. 285.

⁸¹ Ibn 'Abdul Hākam, *op. cit.*, h. 94.

⁸² Al-Ya'qūbī, *Tarīkh al-Ya'qūbī*, h. 302.

⁸³ Abū Hassan 'Alī al-Nadāwī, (1989), *Rijāl al-Fikrī wa al-Da'wah fī al-Islām*, h. 37.

lain pula mengingatkan mereka tentang tanggungjawab menegak ma'ruf dan nahi munkar.⁸⁴ Begitulah tindakan khalifah Omar setiap kali beliau menerima laporan tentang lahirnya budaya munkar di mana-mana bahagian pemerintahan, khalifah akan segera mengingatkan pegawai pemerintah dan pentadbiran bahawa kewujudan dan berleluasanya budaya fasik, munkar dan jahiliah di mana-mana tempat daerah dan bandar tanpa tindakan menanganinya bererti menempah kemurkaan Allah dan kehilangan nikmat Allah seperti yang banyak terjadi kepada banyak umah dan bangsa-bangsa terdahulu.⁸⁵

Khalifah juga sering mengingatkan pegawai supaya tanggungjawab melaksanakan keputusan pengadilan terhadap golongan penjenayah dengan jujur dan telus di samping mempertingkatkan penguatkuasaan.⁸⁶ Tidak ketinggalan dilaporkan bahawa khalifah mengingatkan kalangan masyarakat awam, generasi muda dan kaum wanita agar mengelak dan menjauhi diri dari berbudaya dengan budaya munkar dan jahiliah seperti pendedahan aurat dan berbudaya dengan budaya khurafat ketika mengiringi jenazah. Melalui peranan dan perhatian dakwah yang diberi penekanan oleh khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz, pemeluk Islam dari pelbagai masyarakat di seluruh wilayah pemerintahannya berjaya diperluaskan di samping berjaya memperteguhkan penghayatan Islam di kalangan masyarakat Islam sendiri di seluruh negara. Segala peranan yang dilakukan dan diusahakan oleh khalifah ini adalah sebagai memenuhi tanggungjawab pemerintahan Islam dari sudut penjagaan agama, kerana antara peranan penjagaan agama yang harus menjadi sebahagian kewajipan negara ialah memperluaskan penyebaran Islam kepada kalangan bukan Islam dan mempertingkatkan kualiti penghayatan agama Islam di kalangan masyarakat Islam sendiri. Melalui penghayatan Islam yang meningkat di kalangan masyarakat Islam sedia ada akan menjadi contoh tauladan kepada kalangan bukan

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ *Ibid.*

Islam untuk memahami kebaikan dan kebenaran Islam dan akan mempertingkatkan lagi penyebaran Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan di atas adalah jelas bahawa keistimewaan Khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz bukan semata-mata pada sikap zahidnya tetapi apa yang ternyata ialah peranannya yang besar dalam membuat perubahan kepada asas pendekatan pemerintahan dan pentadbiran Islam dalam menangani permasalahan politik dengan segala konflik yang berlaku waktu itu. Tidak ketinggalan juga ialah peranannya dalam bidang dakwah dan perkembangan ilmu pengetahuan. Asas kepada segala yang dilakukan dan diusahakan oleh khalifah Omar Ibn 'Abdul 'Aziz dalam membuat perubahan dan pengislahan zamannya adalah didasarkan kepada keimanan yang mendalam terhadap kebesaran Allah s.w.t. yang menetapkan kehidupan manusia di dunia adalah dengan tujuan untuk menunaikan amanahNya. Berasaskan ini, segala perlakuan manusia di dunia ini akan diadili Allah di hari akhirat kelak.

Manakala pengaruh islahnya di kalangan masyarakat memperlihatkan kesan yang positif dalam mengubah masyarakat Islam waktu itu. Walau bagaimanapun, tempoh pemerintahannya yang singkat dan perubahan yang dimulakannya gagal diteruskan dalam tempoh pemerintahan khalifah Bani Umaiyah selanjutnya menyebabkan perubahan yang baru itu tidak berlanjutan untuk tempoh yang lama dan berkekalan. Apa yang jelas dan sewajib disedari ialah Islah atau tajdid sebagai tanggungjawab dan kewajipan agama yang bersifat kesinambungan dari tanggungjawab para rasul dalam memastikan keterikatan umah/manusia dengan hidayah/wahyu Allah. Ianya perlu dipenuhi dan digerakkan melalui aktiviti sepada merangkumi ijtihad, da'wah, pendidikan dan juga pemerintahan dan pentadbiran.